

صحيح الدعاء والثناء على الله تعالى

Doa serta Pujian kepada Allah Taala yang Sahih

Dr. Abdullah Bin Hamood Al-Farih



Adab Berdoa



Puji-Pujian kepada Allah Taala



Doa-Doa daripada Al-Quran



Doa-Doa dalam Solat



Doa-Doa daripada Nabi



Perkara-Perkara yang Nabi
Minta Perlindungan daripadanya



Doa-Doa Ruqyah



Zikir Pagi dan Petang

د. عبد الله بن حمود الفريح

Tekan pada Topik untuk
Pergi kepada Zikir dan
Doa Tertentu





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pendahuluan

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas rasulNya yang mulia, serta ahli keluarga serta para sahabatnya.

Buku yang ringkas ini mengandungi beberapa jenis daripada jenis-jenis doa (pujian terhadap Allah Taala, doa-doa daripada Al-Quran, doa-doa Nabi Muhammad s.a.w., perkara-perkara yang Nabi Muhammad s.a.w. doa supaya dihindarkan, ruqyah yang syar'ie serta zikir pagi dan petang). Buku ini turut mengandungi adab-adab berdoa dan pilihan doa-doa

yang sahlah agar orang Islam dapat berdoa sepertimana yang termaktub di dalam Al-Quran dan Sunnah, doa-doa yang menghimpunkan kebaikan yang banyak. Aku menulis kesemua doa di dalam Bahasa Arab beserta terjemahan ke dalam Bahasa Melayu, dan penulisan cara sebutan doa. Aku juga melakukan pembetulan hadis-hadis [yang mengandungi] doa di hujung buku ini. Aku memohon agar Allah Taala menjadikan usaha ini sebuah usaha yang ikhlas keranaNya. Selawat dan salam ke atas junjungan nabi kita Muhammad s.a.w, keluarga serta para sahabatnya.

Dr. Abdullah Bin Humood Al-Farih.



Di Hadapan Doa



Wahai orang Islam, engkau butuhkan kepada tuhanmu... manakala Dia Maha Kaya, Maha Suci. Di hadapan engkau adalah doa-doa yang ma'thur... persiapkanlah hatimu untuknya. Ia adalah doa-doa yang mengumpulkan segala kebaikan. Hafallah apa yang termampu daripadanya. Betapa banyak doa yang hakikatnya cukup untuk merangkumi semua kehendakmu. Doa-doa yang ringkas tetapi mempunyai makna yang luas. Tinggal engkau menghadirkan hati dan menundukkan diri kepada tuhanmu.

Adab Berdoa

Pertama: hendaklah orang yang berdoa itu mengikhlaskan doanya semata-mata kerana Allah. Dia hendaklah yakin bahawa hanya Allah Taala yang berupaya mengabulkan doanya. Dia tidak berdoa kepada yang selain daripada Allah taala dan tidak bertawassul kepada yang selainNya samada nabi, wali, malaikat, hamba yang soleh atau apa-apa mahkluk sekalipun. Allah Taala berfirman:

﴿فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ﴾ [غافر: ٤١]

“Maka sembahlah Allah dengan

tulus ikhlas beragama kepadaNya”
[Surah Ghafir: 14].

Kedua: menghadirkan diri [semasa berdoa]. Kesibukan anda dalam berdoa itu sendiri merupakan suatu ibadah yang besar yang dicintai oleh Allah Taala. Anda pasti diganjar pahala kerananya samada doa anda termakbul ataupun tidak.

Ketiga: anda hendaklah yakin kepada Allah Taala dan yakin bahawa Dia berupaya memakbulkan doa anda. Anda tidak perlu bertaqarrub atau mendekatkan diri kepada makhluk semata-mata untuk bertaqarrub dengan Allah dan

sebagainya kerana itu adalah bid'ah yang membawa seorang muslim kepada amalan tawassul yang tidak syar'ie.

Keempat: Allah Taala gembira dengan taubatmu walau sejauh manapun anda telah terjerumus ke dalam dosa. Oleh itu, janganlah anda merasakan lambatnya [doa anda] dimakbulkan atau berputus asa terhadap rahmatNya. Sebaliknya, rasakan kegembiraan Allah terhadap taubat serta kepulanganmu [kepadaNya] – sungguh Dia Maha Kaya, Maha Suci – hadirkanlah firman Allah:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا﴾ [زمر: ٣٥]

“Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa” dan firmanNya:

﴿وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ

دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ﴾ [بقره: ٦٨١]

“Dan jika hambaKu bertanya kepadamu tentangKu, maka (katakanlah) Aku dekat, Aku mengabulkan permintaan seseorang apabila dia meminta, maka mintalah kepadaKu, dan berimanlah kepadaKu, moga-moga mereka diberi petunjuk”.

Kelima: makanan serta minuman orang yang berdoa bukan daripada pendapatan yang haram kerana ini merupakan perkara

yang menghalang terkabulnya doa. Terdapat sebuah hadis [yang diriwayatkan daripada] Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. menyebut:

«الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ، يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ، يَا رَبِّ، يَا رَبِّ، وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ، وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لِذَلِكَ؟»:

“terdapat seorang lelaki yang jauh permusafirannya, kusut masai serta berdebu rambutnya, dia menadahkan tangannya ke langit [seraya berdoa] ya Rabbi, ya Rabbi [sedangkan] makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya

haram, dan dia memberi makan yang haram, maka bagaimanakah doanya hendak dikabulkan?”

Keenam: orang yang berdoa hendaklah menjaga adab dan sunnah-sunnah dalam berdoa seperti:

- 1 Berdoa dalam keadaan yang suci. Oleh itu ambillah wuduk sepertimana wuduk untuk bersolat. Hadis Abu Musa r.a. [yang diriwayatkan] dalam sohihain dan kisahnya dengan pak ciknya Abu ‘Amir r.a. Ketika mana Abu ‘Amir meminta Abu Musa untuk meminta nabi s.a.w. mendoakan bagi dirinya, Abu

Musa pun memberitahu baginda:
 “Rasulullah lalu meminta air dan baginda berwuduk dengannya. Kemudian baginda mengangkat kedua tangannya dan berdoa:

«اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِعُبَيْدٍ، أَبِي عَامِرٍ»

“Ya Allah, ampunkan Ubaid, Abu ‘Amir”, sehingga aku melihat putihnya kedua ketiak baginda. Baginda berdoa lagi:

«اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَوْقَ كَثِيرٍ مِنْ خَلْقِكَ، أَوْ مِنَ النَّاسِ»:

“Ya Allah, angkatlah kedudukan beliau dari sekalian makhlukMu pada hari kiamat nanti, atau dari sekalian manusia.” Riwayat Bukhari (4232) dan Muslim (2498).

- 2 Menghadap kiblat.
- 3 Mengangkat kedua belah tangan.

Dalil terhadap dua sunnah ini ialah hadis Abdullah Bin ‘Abbas r.a. Beliau berkata: “Umar Bin Al-Khattab r.a. memberitahuku: Pada hari berlakunya Perang Badar, Rasulullah s.a.w. melihat kepada kaum Musyrikin dan [bilangan] mereka adalah seribu manakala para sahabatnya pula hanyalah seramai tiga ratus Sembilan belas orang. Maka nabi Allah pun menghadap kiblat lalu menadahkan tangannya seraya menyeru tuhannya:

«اللَّهُمَّ أَنْجِزْ لِي مَا وَعَدْتَنِي، اللَّهُمَّ آتِ مَا وَعَدْتَنِي»:

“Ya Allah, laksanakanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku, ya Allah, kurniakanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku...”. Hadis Riwayat Muslim (1763).

4 Memulakan doa dengan pujian terhadap Allah Azza wa Jalla serta selawat ke atas RasulNya s.a.w.

Ini berdasarkan hadis Fadhalah Bin ‘Ubaid, sahabat Rasulullah s.a.w. beliau berkata: Rasulullah s.a.w. mendengar seorang lelaki berdoa di dalam solatnya tanpa memuji Allah Taala dan tanpa berselawat ke atas nabi s.a.w.

Maka Rasulullah s.a.w. bersabda «عَجَلَ هَذَا»: “beliau terburu-buru”. Baginda pun memanggil beliau lalu bersabda:

«إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ، فَلْيَبْدَأْ بِتَمْجِيدِ رَبِّهِ جَلَّ وَعَزَّ، وَالشَّانِ عَلَيْهِ، ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ يَدْعُو بَعْدُ بِمَا شَاءَ»:

“jika seseorang daripada kamu bersolat, maka mulakanlah dengan memuji tuhannya Jalla wa ‘Azza, kemudian berselawatlah ke atas nabi s.a.w. dan barulah berdoa apa sahaja selepas itu”. Diriwayatkan oleh Abu Daud (1481) dan Tarmizi (3477) daripada hadis Fadhalah Bin ‘Ubaid. Al-Albani mengatakan bahawa ianya Sahih dalam [bab]

“Tahqiq al-Solah ‘ala al-Nabiy sallallahu ‘alayhi wasallam, m/s 86.

Jika dia memulakan [doa] dengan pujian kepada Allah samada [menggunakan] ayat-ayat pujian yang terdapat pada pembuka surah kemudian berselawat ke atas nabi s.a.w., nescaya doanya akan lebih mudah dimakbulkan.

5 Berbaik sangka dengan Allah Taala Ketika berdoa dan menyakini akan termakbulnya doa. Janganlah tergesa-gesa ingin doa dimakbulkan sebaliknya yakinlah bahawa Allah Taala pasti akan memakbulkan doanya.

Daripada Abu Hurairah,
Rasulullah s.a.w. bersabda:

«لَا يَزَالُ يُسْتَجَابُ لِلْعَبْدِ، مَا لَمْ يَدْعُ بِإِثْمٍ أَوْ
قَطِيعَةٍ رَحِمٍ، مَا لَمْ يَسْتَعْجِلْ»:

“Doa seorang hamba itu akan sentiasa dimakbulkan selama mana dia tidak berdoa untuk perbuatan dosa, atau memutuskan silaturrhim dan tidak tergesa-gesa”. Rasulullah ditanya: Ya Rasulullah apakah maksud tergesa-gesa? Rasulullah menjawab:

«يَقُولُ قَدْ دَعَوْتُ وَقَدْ دَعَوْتُ، فَلَمْ أَرِ سْتَجِيبُ
لِي، فَيَسْتَحْسِرُ عِنْدَ ذَلِكَ وَيَدْعُ الدُّعَاءَ»:

“dia berkata, aku telah berdoa dan berdoa tetapi aku tidak mendapati

doaku dimakbulkan lalu dia merasa penat dan tidak lagi berdoa.” Dirwayatkan oleh Muslim (2735).

6 Berdoa kepada Allah Taala dengan menggunakan berbagai nama Asmaul Husna yang bersesuaian dengan doa.

Jika seseorang meminta rezeki kepada Allah s.w.t., dia berkata “ya Razzaq”, jika dia meminta rahmat Allah Taala dia berkata “ya Rahman, ya Rahim”, jika dia meminta kepada Allah Azza wa Jalla kemuliaan, dia berkata “ya ‘Aziz”. Begitu pula jika dia meminta keampunan daripada Allah Azza wa Jalla dia berkata, “ya Ghafur”

dan jika dia meminta kesembuhan daripadanya, dia berkata “ya Syafi”. Demikianlah seseorang itu menyeru [tuhanNya] bersesuaian dengan doa atau permintaannya. Allah Taala berfirman:

﴿وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا﴾ [الأعراف: ١٨١]

“dan bagi Allah itu nama-nama yang baik (Asmaul Husna) maka berdoalah dengannya” [Al-A’raf: 180].

7 Hendaklah [orang yang berdoa itu] mengulang-ulang lafaz doanya dan bersungguh-sungguh meminta kepada Allah Taala.

Ini berdasarkan hadis Ibn ‘Abbas r.a. tentang doa nabi s.a.w. kepada para sahabatnya semasa peristiwa perang Badar. Nabi berdoa:

«اللَّهُمَّ أَنْجِزْ لِي مَا وَعَدْتَنِي، اللَّهُمَّ آتِ مَا وَعَدْتَنِي»:

“Ya Allah, laksanakanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku, ya Allah, kurniakanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku”. Beginda terus berdoa sehingga selendangnya jatuh daripada bahunya. Abu Bakar membetulkan semula selendang baginda lalu berkata: “Wahai nabi Allah, cukuplah engkau memanggil tuhanmu”. Riwayat Muslim (1763).

Begitu juga seperti yang

diriwayatkan di dalam Sohihain, oleh Abu Hurairah r.a. Peristiwa di mana nabi s.a.w. mendoakan Daus:

«اللَّهُمَّ اهْدِ دَوْسًا وَاثِتِ بِهِمْ، اللَّهُمَّ اهْدِ دَوْسًا

وَاثِتِ بِهِمْ»:

“ya Allah berilah hidayah buat kaum Daus dan datangkanlah mereka, ya Allah berilah hidayah buat kaum Daus dan datangkanlah mereka”. Riwayat Bukhari (2937) dan Muslim (2524).

8 Membaca doa secara perlahan dan tidak menguatkan suara. Firman Allah Taala:

﴿أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً﴾ [الأعراف: ٥٥]

“berdoalah kepada tuhanmu

dengan rendah hati dan suara yang lembut [Al-A'raf: 55]. Menyembunyikan doa itu lebih dekat dengan ikhlas. Demikianlah Allah Azza wa Jalla memuji cara berdoa nabi Zakaria a.s. dengan firmanNya:

﴿إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَنِدَاءً خَفِيًّا﴾ [مريم: ٣]

“Ketika dia berdoa kepada tuhannya dengan suara yang lembut” [Maryam: 3]. Ada ulama tafsir yang mengulas [perbuatan nabi Zakaria] itu adalah bagi menimbulkan keikhlasan.

9 Memasukkan puji-pujian kepada Allah Taala di dalam doa. Ini kerana Allah Taala suka jika hambaNya sibuk memuji-

mujiNya bahkan ia merupakan salah satu bentuk ibadah kepada Allah kerana [hakikatnya] Allah Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada hambaNya. Hal ini diriwayatkan di dalam Sohihain, daripada Ibn Mas'ud, Rasulullah s.a.w. bersabda:

«وَلَا أَحَدٌ أَحَبَّ إِلَيْهِ الْمَدْحُ مِنَ اللَّهِ وَلِذَلِكَ
مَدَحَ نَفْسَهُ»:

“tidak ada seorang pun yang menyukai pujian lebih daripada Allah, kerana itulah Dia memuji diriNya”.

10 Hendaklah seseorang itu mencari waktu-waktu yang mustajab untuk berdoa kepada Allah Taala.

Antara waktu-waktu yang mustajab doa sepertimana yang disebutkan di dalam nas-nas ialah:

Doa antara azan dan iqamat, di sepertiga malam terakhir, pada hari Jumaat, pada setiap akhir solat, ketika sujud, ketika hujan turun, doa seorang muslim kepada saudaranya tanpa pengetahuan saudaranya, doa seorang bapa kepada anaknya, doa musafir dan doa orang yang dizalimi.



صَحِيحُ الدُّعَاءِ وَالشَّعَائِرِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى



Puji-pujian kepada Allah Azza wa Jalla





أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾

[الفاتحة: ٢-٤]

(Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Maha Pengasih, Maha Penyayang. Raja Hari Pembalasan) [Al-Fatihah: 2-4]



﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ
الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا أُولِي أَجْنِحَةٍ مَّثْنَى وَثُلَاثَ
وَرُبْعٍ يَزِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾ [فاطر: ١]

(Segala puji bagi Allah pencipta langit dan bumi, yang menjadikan malaikat sebagai utusan-utusan (untuk mengurus berbagai macam urusan) yang mempunyai sayap masing-masing (ada yang) dua, tiga dan empat. Allah menambahkan pada ciptaan Nya apa yang Dia kehendaki. Sungguh Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu) [Fatir: 1]



﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ
وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ﴾ [الأنعام: ١]

(Segala puji bagi Allah yang telah menciptakan langit dan bumi, dan menjadikan gelap dan terang...)

[Al-An'am: 1]



﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ
وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ وَهُوَ
الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ﴾ [سبأ: ١]

(Segala puji bagi Allah yang memiliki apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi dan segala puji di akhirat bagi Allah. Dan Dialah yang Maha Bijaksana, Maha Teliti.) [Saba': 1]



«الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا

فِيهِ»

*Alhamdulillah hamdan kathiran
tayyiban mubarakan fih*

Segala puji bagi Allah, pujian yang melimpah ruah, baik dan berkat padanya.

2

«رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِثْلُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ،
وَمِثْلُ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ، أَهْلَ الشَّنَائِ
وَالْمَجْدِ، أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ، وَكُنَّا لَكَ عَبْدٌ:
اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا
مَنْعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ»

*Rabbana lakal hamdu mil
ussamawati wal ardhi, wa mil
u ma syi'ta min syai in ba'du,
ahlathanaai wal majdi, ahaqqu ma
qalal 'abdu wa kulunna laka 'abdun
allahumma la mani' lima a'toita wa
la mu'ti lima mana'ta wa la yanfa'u
zal jaddi minkal jaddu.*

Tuhan kami bagi-Mu pujian sepenuh langit dan bumi, sepenuh apa yang Engkau mahukan lebih daripada itu, yang memiliki semua pujian dan kebaikan, yang paling berhak diucapkan oleh setiap hamba, dan setiap daripada kami adalah hambaMu. Ya Allah tidak ada yang boleh menghalang apa yang Engkau berikan. Dan tidak ada yang boleh memberikan apa yang Engkau halang. Dan segala daya upaya tidak bermanfaat kecuali dengan izinMu, seluruh kekuatan hanya milikMu.



«اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ كُلُّهُ، وَإِلَيْكَ يَرْجِعُ
الْأَمْرُ كُلُّهُ»

*Allahumma lakal hamdu kulluhu
wa ilaika yarji'ul amru kulluhu.*

Ya Allah, segala pujian hanya buatMu, dan hanya kepada Engkaulah diserahkan segala urusan.

4

«اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَوَاتِ
 وَالْأَرْضِ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ رَبُّ السَّمَوَاتِ
 وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، أَنْتَ الْحَقُّ،
 وَقَوْلِكَ الْحَقُّ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ، وَلِقَاؤُكَ الْحَقُّ،
 وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالتَّارُ حَقٌّ، (وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ،
 وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ) وَالسَّاعَةُ
 حَقٌّ، اللَّهُمَّ لَكَ أَسَلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ
 تَوَكَّلْتُ، (وَإِلَيْكَ أَنْبَتُ) وَإِلَيْكَ خَاصَمْتُ، وَبِكَ
 حَاكَمْتُ، فَاغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ،
 وَأَسْرَرْتُ وَأَعْلَنْتُ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي،
 (أَنْتَ الْمُقَدِّمُ، وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ) لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ»

*Allahumma rabbana lakal hamdu
anta qayyimus samawati wal
ardhi wa lakal hamdu anta rabbus
samawati wal ardhi wa man
fihinna wa lakal hamdu anta nurus
samawati wal ardhi wa man fihinna
antal haqqu wa qawlukal haqqu wa
wa'dukal haqqu wa liqa ukal haqqu
wal jannatu haqqun wan naru
haqqun wan nabiyyuna haqqun wa
muhammadun sallallahu 'alaihi wa
sallama haqqun was sa'atu haqqun,
allahumma laka aslamtu wa bika
amantu wa 'alayka tawakkaltu wa
ilayka anabtu, wa ilayka khosomtu,
wa bika hakamtu faghfirli ma
qaddamtu wa ma akhkhartu, wa ma
asrartu wa ma a'lantu wa ma anta*

*a'lamu bihi, antal muqaddimu wa
antal muakhhir, la ilaha illa anta.*

Ya Allah, segala puji bagi Engkau. Engkau pemelihara langit dan bumi. Segala puji bagi Engkau. Engkau memiliki kerajaan langit, bumi dan siapa saja yang berada di dalamnya. Segala puji bagi Engkau. Engkau adalah cahaya bagi langit, bumi dan siapa saja yang berada di dalamnya. Engkaulah al-Haq, firmanMu pasti benar, janjiMu pasti benar, pertemuan denganMu pasti benar, syurga itu benar adanya, neraka itu benar adanya, para nabi itu membawa kebenaran, dan Muhammad s.a.w. itu membawa

kebenaran, hari kiamat itu benar. Ya Allah, kepadaMu lah aku berserah diri. KepadaMu lah aku beriman. KepadaMu lah aku bertawakal. KepadaMu lah aku bertaubat. KepadaMu lah aku mengadu. Dan kepadaMu aku berhukum. Maka ampunilah dosa-dosaku. Baik yang telah aku lakukan maupun yang belum aku lakukan. Baik apa yang aku sembunyikan maupun yang aku nyatakan. Dan apa yang Engkau lebih mengetahuinya daripadaku. Engkaulah Pemula dan Pengakhir. Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau.



﴿اللَّهُمَّ مَلِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ
 وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ
 مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾
 تُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُوَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ
 الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ
 مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾﴾ [آل عمران: ٦٢-٧٢]

(Wahai tuhan pemilik kekuasaan, Engkau berikan kekuasaan kepada siapa pun yang Engkau kehendaki, dan Engkau cabut kekuasaan dari siapa pun yang Engkau kehendaki, Engkau muliakan siapa yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan siapa pun yang Engkau

kehendaki, di tanganMu segala kebaikan, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu. Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam, Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup, dan Engkau berikan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa perhitungan).

Kedua-dua ayat tersebut adalah daripada Surah Ali 'Imran ayat [26-27]. Pada ayat yang pertama, perkataan (qul) secara sengaja dibuang (tidak disertakan) bagi menandakan permulaan doa.

5

«اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ وَرَبَّ الْأَرْضِ وَرَبَّ
 الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ، فَالِقَ
 الْحَبِّ وَالنَّوَى، وَمُنزِلَ التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ
 وَالْفُرْقَانِ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ
 أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ
 فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْآخِرُ فَلَيْسَ
 بَعْدَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ
 شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ،
 اقْضِ عَنَّا الدَّيْنَ، وَأَغْنِنَا مِنَ الْفَقْرِ»

*Allahumma Rabbas samawati wal
 ardhi warabbal 'arsyil 'azhim.*

*Rabbana wa rabba kulli syai'.
Faliqul habbi wannawa. Wa munzilut
taurati wal injili wal furqan. A'udzu
bika min syarri kulli syai'. Anta
akhidzun binashiatih. Allahumma
antal awwalu fa laisa qablaka syai'.
Wa antal akhiru fa laisa ba'daka
syai'. Wa antaz zhahiru fa laisa
fauqaka syai'. Wa antal bathinu fa
laisa dunaka syai'. Iqdhi 'annad
dain wagh nina minal faqr.*

Ya Allah, pentadbir langit dan pentadbir bumi dan Rabbnya 'arasy yang agung. Rabb kami dan Rabbnya segala sesuatu, Yang membelah biji-bijian dan biji kurma. Yang menurunkan Taurat, Injil dan Al-Quran. Aku berlindung

kepadaMu dari kejahatan segala sesuatu. Engkaulah Yang memegang ubun-ubunnya. Ya Allah, Engkaulah Yang Awal maka tidak ada sesuatu pun yang sebelumMu. Dan Engkaulah Yang Akhir maka tidak ada sesuatu pun yang setelahMu. Dan Engkaulah Yang Zahir maka tidak ada sesuatu pun yang ada di atasMu. Dan Engkaulah Yang Batin maka tidak ada sesuatu pun yang lebih dekat daripadaMu. (Ya Tuhanku) lunasilah hutang kami dan cukupilah kami dari kemiskinan.

6

«اللَّهُمَّ إِنِّي أُشْهِدُكَ وَأُشْهِدُ مَلَائِكَتَكَ
وَحَمَلَةَ عَرْشِكَ، وَأُشْهِدُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ
وَمَنْ فِي الْأَرْضِ، أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا
أَنْتَ وَحْدَكَ لَا شَرِيكَ لَكَ، وَأُشْهِدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدًا وَرَسُولُكَ»

*Allahumma inni usyhiduka wa
usyhidu malaikataka wa hamlata
'arsyika, wa usyhidu man fis
samawati wa man fil ardhi
annaka anta Allahu la ilaha illa
anta wahdaka la syarika laka,
wa asyhadu anna muhammadan
'abduka wa rasuluka.*

Ya Allah aku menjadi saksi buatMu, juga saksi buat para malaikatMu, pemegang ‘arasyMu, dan aku menjadi saksi terhadap sesiapa sahaja di langit dan di bumi, bahawa Engkaulah Allah, tiada sembahhan melainkan Engkau dan hanya Engkau tiada sekutu buatMu and aku bersaksi bahawa Muhammad itu adalah hamba dan rasulMu.

7

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنِّي أَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ
اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْأَحَدُ الصَّمَدُ، الَّذِي
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ»

*Allahumma inni as alukabi anni
asyhadu annaka anta Allahu la
ilaha illa anta al-ahadus somad,
allazi lam yalid wa lam yulad wa
lam yakun lahu kufuan ahad.*

Ya Allah aku memohon padaMu dengan kesaksian bahawa Engkaulah Allah tiada tuhan selain Engkau yang Esa dan tempat meminta segala sesuatu, yang tidak beranak dan tidak pula

diperanakkan dan tidak ada sesuatu yang setara denganNya.

Diriwayatkan dalam sebuah hadis bahawa doa ini mengandungi nama Allah yang teragung, yang jika seseorang berdoa dengannya nescaya akan dimakbulkan dan jika seseorang meminta dengannya pasti akan diberikan.

8

«لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ»

La ilaha illa Allahul ‘adzimul halimu, la ilaha illa Allahu rabbul ‘arsyil ‘adzimi, la ilaha illa Allahu rabbus samawati wa rabbul ardhi wa rabbul ‘arsyil karimi.

Tiada tuhan selian Allah yang Maha Agung, Maha Penyantun, tiada tuhan selain Allah tuhan [yang memiliki] ‘arasy yang agung, tiada

tuhan selain Allah tuhan langit dan tuhan bumi dan tuhan ‘arasy yang mulia.

Ia merupakan salah satu doa yang dibaca semasa dalam kesulitan dan kesedihan.



«اللَّهُ، اللَّهُ رَبِّي لَا أُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا»

*Allah, Allahu rabbi la usyriku bihi
syaia.*

Allah, Allah tuhanku, aku tidak menyekutukanNya dengan suatu apa pun.

Ia merupakan salah satu doa yang dibaca semasa dalam kesulitan dan kesedihan.



«لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، اللَّهُ
أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، سُبْحَانَ
اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا
بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ»

*La ilaha illa Allahu wahdahu
la syarika lahu, Allahu akbar
kabiran, wal hamdulillahi kathiran,
subhanallahu rabbil 'alamin, la
hawla wa la quwwata illa billahil
'azizil hakim.*

Tiada tuhan selain Allah satu-
satunya tiada sekutu bagiNya,

Allah Maha Besar, berbanyak
pujian buat Allah, maha Suci Allah
tuhan sekalian alam, tiada daya
dan upaya melainkan dengan [izin]
Allah yang Maha Perkasa Maha
Bijaksana.

«لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ
الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ، سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا
بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ»

*La ilaha illa Allahu wahdahu
la syarika lahu, lahul mulk, wa
lahul hamdu, wa huwa 'ala kulli
syai in qadir, subahanallahi, wal
hamdulillahi, wa la ilaha illa Allahu,
wallahu akbar, wa la hawla wa la
quwwata illa billahil 'aliyyil 'adzim.*

Tiada tuhan selain Allah satu-satuNya tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan, bagiNya pujian, dan Dia Maha Upaya atas setiap sesuatu, Maha Suci Allah, [segala] pujian bagi Allah, tiada tuhan selain Allah, dan Allahlah yang Maha Besar, tiada daya dan upaya kecuali dengan [izin] Allah yang Maha Tinggi, Maha Agung.



«لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، أُنْجَزَ وَعَدَهُ، وَنَصَرَ
عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ»

*La ilaha illa Allahu wahdahu,
anjaza wa'dahu wa nasara 'abdahu,
wa hazamal ahzaba wahdahu.*

Tiada tuhan selain Allah satu-satuNya, Dialah yang menunaikan janjiNya, dan menolong hambaNya dan menghancurkan musuhNya sendiriNya.

13

«اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي
وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا
اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ،
أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي
فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ»

*Allahumma anta rabbi la ilaha illa
anta khalaqtani wa ana 'abduka
wa ana 'ala 'ahdika wa wa'dika
maštato 'tu, a'uzubika min sharri
ma sona 'tu, abu u laka bini'matika
'alayya wa abu u bizanbi faghfirli fa
innahu la yaghfiruzzunuba illa anta.*

Ya Allah, Engkau tuhanku, tiada tuhan selain Engkau, Engkau menciptakanku dan aku adalah hambaMu, aku di atas perjanjianMu dan janjiMu sesuai dengan kemampuanku, aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan yang telah aku lakukan, aku mengakui nikmatMu kepadaku dan aku mengakui dosaku terhadapmu maka ampunilah aku. Sungguh tiada yang mengampunkan dosa melainkan Engkau.

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنَّ لَكَ الْحَمْدُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْمَنَّانُ، بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ»

Allahumma inni as aluka bi anna lakal hamdu, la ilaha illa anta al-mannan, badi'us samawati wal ardhi, ya dzal jalali wal ikram ya hayyi ya qayyum.

Ya Allah, aku memohon kepadaMu dengan bahawasanya bagiMu segala kepujian, tiada Tuhan selain Engkau yang Esa tiada sekutu, Maha Pemberi anugerah, yang menciptakan langit dan bumi, yang

Maha Agung dan Mulia, yang
Maha Hidup dan Mengurus segala
sesuatu.

Diriwayatkan dalam sebuah hadis
bahawa doa ini mengandungi
nama Allah yang teragung, yang
jika seseorang berdoa dengannya
nescaya akan mustajab dan jika
seseorang meminta dengannya
pasti akan diberikan.



«سُبْحَانَكَ مَا أَعْظَمَكَ رَبَّنَا»

Subhanaka ma a'dzamaka rabbana.

Maha Suci Engkau, betapa agungnya Engkau, tuhan kami.



«سُبْحَانَ ذِي الْجَبْرُوتِ وَالْمَلَائِكَةِ
وَالْكِبْرِيَاءِ وَالْعَظَمَةِ»

*Subhana dzil jabaruti wal malakuti
wal kibriyai wal 'adzmati.*

Maha Suci dzat yang memiliki sifat kekuasaan, kerajaan, kebesaran dan keagungan.



«اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ ذُو الْمَلَكُوتِ
وَالْجَبْرُوتِ وَالْكَبْرِيَاءِ وَالْعِزَّةِ وَالْعِزَّةِ»

Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar, dzul malakuti, wal jabaruti wal kibriyai wal 'adzmati.

Allah Maha Besar -tiga kali- yang memiliki sifat kekuasaan, kerajaan, kebesaran dan keagungan.

18

«اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا،
وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا»

*Allahu akbar kabira, wal
hamdulillahi kathira, wa
subhanallahi bukratan wa asila.*

Allah Maha Besar, dan berbanyak
pujian bagi Allah dan Maha Suci
Allah pada setiap pagi dan petang.

Diharuskan bagi orang yang berdoa untuk berselawat ke atas nabi s.a.w. selepas puji-pujian buat Allah Taala.

«اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ،
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ»

(Selawat dan salam ke atas Muhammad dan ahli keluarga Muhammad sepertimana Engkau telah berselawat ke atas Ibrahim dan ahli keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji, Maha Mulia).

صَاحِبِ الدُّعَا وَالشَّعَائِرِ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى



Doa-Doa Daripada Quran





﴿حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ
تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ﴾
﴿١٢٩﴾

[التوبة: ٩٢١]

(Cukuplah Allah bagiku, tiada tuhan selain Dia. Hanya kepadaNya aku bertawakkal dan Dia adalah tuhan yang memiliki arasy yang agung)
[At-Taubah: 129].



لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ

مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾ [الأنبياء: ٧٨]

(Tiada tuhan selain Engkau, Maha Suci Engkau sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang zalim)
[Al-Anbiya': 87].



﴿رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي
رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ﴾ [إبراهيم: ٤٠]

(Tuhanku, jadikanlah aku dan anak cucuku orang yang tetap melaksanakan solat, ya tuhan kami, perkenankanlah doaku) [Ibrahim: 40].



هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ ۖ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً ۗ إِنَّكَ سَمِيعُ

الدُّعَاءِ ﴿٣٨﴾ [آل عمران: ٨٣]

(Tuhanku, kurniakanlah aku dari sisiMu zuriat yang baik, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar doa) [Ali Imran: 38].



﴿رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي
أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ
الْكَافِرِينَ﴾ [آل عمران: ٧٤١]

(Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami dan tindakan kami yang berlebih-lebihan dalam urusan kami. Tetapkanlah pendirian kami dan bantulah kami terhadap orang-orang kafir) [Ali Imran: 147].

6

﴿رَبِّ اغْفِرْ وَأَرْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ

الرَّاحِمِينَ﴾ [المؤمنون: ٨١١]

(Tuhanku, ampunkanlah dan rahmatilah sesungguhnya Engkau Maha pemberi rahmat) [Al-Mukminun: 118].

7

﴿رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي﴾

[القصص: ٦١]

(Tuhanku, sungguh aku telah menzalimi diriku maka ampunkanlah aku) [Al-Qasas: 16]



﴿رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا
وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ﴾

[البقرة: ٥٢]

(Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, kukuhkanlah langkah kami dan tolonglah kami menghadapi orang-orang kafir) [Al-Baqarah: 250].



﴿رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا
وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ

الْوَهَّابُ﴾ [آل عمران: ٨]

(Tuhan kami, janganlah Engkau palingkan hati kami selepas Engkau beri hidayah kepada kami dan kurniakanlah kami dari sisiMu rahmat, sesungguhnya Engkau Maha Pemberi) [Ali Imran: 8].

10

﴿رَبِّ أَسْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٤٥﴾ وَيَسِّرْ لِي

أَمْرِي ﴿٤٦﴾﴾ [طه: ٥٢-٦٢]

(Tuhanku, lapangkanlah dadaku.
Dan permudahkanlah urusanku)
[Taha: 25-26].

11

﴿مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿٨٣﴾﴾

[الأنبياء: ٣٨]

(Aku telah ditimpa kemudaratan
dan Engkau Maha Penyayang
dari semua yang penyayang) [Al-
Anbiyaa: 83].



﴿رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيْطَانِ﴾^{٩٧}
﴿وَأَعُوذُ بِكَ رَبَّ أَنْ يَحْضُرُونِ﴾^{٩٨}

[المؤمنون: ٧٩-٨٩]

(Tuhanku aku berlindung kepadaMu daripada bisikan para syaitan. Dan aku berlindung kepadaMu daripada kehadiran mereka) [Al-Mukminun: 97-98].



﴿رَبَّنَا أَصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّا

عَذَابُهَا كَانَ غَرَامًا﴾ [الفرقان: ٥٦]

(Tuhan kami hindarkanlah kami daripada azab Jahannam sesungguhnya azabnya itu merupakan suatu kebinasaan yang kekal) [Al-Furqan: 65].



﴿وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا
رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ
خَيْرُ الْفَاتِحِينَ﴾ [الأعراف: ٩٨]

(Pengetahuan tuhan kami meliputi segala sesuatu, hanya kepada Allah kami bertawakkal, ya tuhan kami berilah keputusan antara kami dan kaum kami dengan haq (adil), Engkaulah sebaik-baik pemberi keputusan) [Al-A'raf: 89].

15

﴿أَرْزُقْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ﴾ ﴿١١٤﴾

[المائدة: ٤١١]

(Berilah kami rezeki dan sesungguhnya Engkau adalah sebaik-baik pemberi rezeki) [Al-Maidah: 114].

16

﴿رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا

مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا﴾ ﴿١٠﴾ [الكهف: ٠١]

(Tuhan kami berikanlah kami dari sisiMu rahmat, dan sempurnakanlah petunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami) [Al-Kahfi: 10].

17

﴿رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِقْنِي
بِالصَّالِحِينَ﴾ [الشعراء: ٣٨]

(Tuhanku kurniakanlah bagi ku ilmu dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang soleh) [Al-Syu'ara: 83].

18

﴿رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا﴾ [طه: ٤١١]

(Tuhanku tambahkanlah bagiku ilmu) [Taha: 114].

19

﴿رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ

فَقِيرٌ﴾ [القصاص: ٤٢]

(Tuhanku sesungguhnya aku sangat memerlukan kebaikan yang Engkau turunkan kepadaku) [Al-Qasas: 24].



﴿رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا
قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا﴾ ﴿٧٤﴾

[الفرقان: ٤٧]

(Tuhan kami kurniakanlah kami pasangan serta zuriat penyejuk mata dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertaqwa) [Al-Furqan: 74].

رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي
أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ
صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي
عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ ﴿١٩﴾ [النمل: ٩١]

(Tuhanku anugerahkanlah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmatMu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada kedua orang tuaku dan agar aku mengerjakan kebajikan yang Engkau redai dan masukkanlah aku dengan rahmatMu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh) [Al-Naml: 19].



رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾ وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ

التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾ [البقرة: ٧٢١-٨٢١]

(Tuhan kami terimalah (amal) kami, sungguh Engkaulah yang Maha Mendengar Maha Mengetahui... dan terimalah taubat kami, sungguh Engkaulah yang Maha Penerima Taubat, Maha Penyayang) [Al-Baqarah: 127 & 128].

صِحِّحِ الدُّعَاءَ وَالشَّائِعَةَ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى



Doa-Doa dalam Solat

1

«اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا
بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ، اللَّهُمَّ
نَقِّنِي مِنْ خَطَايَايَ كَمَا يُنَقِّي الثَّوْبُ
الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، اللَّهُمَّ اغْسِلْنِي مِنْ
خَطَايَايَ بِالثَّلْجِ وَالْمَاءِ وَالْبَرَدِ»

*Allahumma ba'id bayni wa
bayna khotoya kama ba'adta
baynal masyriqi wal maghribi,
allahumma naqqini min khotoya
kama yunaqqaath thaubul abyadhu
minaddanas, allahummaghsilni
min khotoya bith thalji wal maai
wal baradi.*

Ya Allah jauhkanlah antara aku dengan kesalahanku seperti mana Engkau jauhkan antara timur dan barat. Ya Allah, sucikanlah kesalahanku sebagaimana pakaian yang putih disucikan dari kotoran. Ya Allah, cucilah kesalahanku dengan salji, air dan butiran ais.

Ia merupakan antara doa-doa iftitah dalam solat.



«اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيلَ، وَمِيكَائِيلَ، وَإِسْرَافِيلَ،
فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ،
أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ،
اهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ
تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ»

*Allahumma rabba jibrail wa
mikail wa israfil fatiras samawati
wal ardhi 'alimal ghaibi wasy
syahadati, anta tahkumu baina
'ibadaka fima kanu fih yakhtalifun,
ihdini limakhtulifa fih minal haqqi
biiznika innaka tahdi man tasyaau
ila siratim mustaqim.*

Ya Allah, tuhan Jibril, Mikail dan Israfil, pencipta langit dan bumi, yang Maha Mengetahui perkara yang tersembunyi dan nyata, Engkaulah yang menghakimi hambaMu pada perkara yang mereka perselisihkan, tunjukkanlah aku kebenaran dalam apa yang diperselisihkan dengan izinMu, sesungguhnya Engkau memberi petunjuk kepada sesiapa yang Engkau kehendaki ke jalan yang lurus.

Ia merupakan antara doa-doa iftitah dalam solat terutama ketika solat qiamullail. Do aini juga dibaca ketika merasa samar terhadap perkara yang benar dan rasa was-was dalam hati.

3

«وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا، وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ، إِنَّ صَلَاتِي، وَنُسُكِي، وَمَحْيَايَ، وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَنْتَ رَبِّي، وَأَنَا عَبْدُكَ، ظَلَمْتُ نَفْسِي، وَاعْتَرَفْتُ بِذَنْبِي، فَاعْفِرْ لِي ذُنُوبِي جَمِيعًا، إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، وَاهْدِنِي لِأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ لَا يَهْدِي لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ، وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا لَا يَصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ، لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْكَ، وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ، أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ، تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ»

*Wajjahtu wajhiya lillazi fataras
samawati wal ardha hanifan wa ma
kana minal musyrikin, inna solati
wa nusuki wa mahyaya wa mamti
lillahi rabbil 'alamin la syarika lahu
wa bizalika umirtu wa ana minal
muslimin allahumma antal maliku
la ilaha illa anta anta rabbi wa ana
'abduka dzolamtu nafsi wa'taraftu
bizanbi faghfir li zunubi jami'an
innahu la yaghfiruz zunuba illa anta,
wahdini liahsanil akhlaqi la yahdi
li ahsaniha illa anta wasrif 'anni
sayyiaha la yasrifu 'anni sayyiaha
illa anta, labbaika wa sa'dayk
wal khayru kulluhu fi yadayka
wasy syarru laysa ilayka ana bika
wa ilayka tabarakta wa ta'alayta
astaghfiruka wa atubu ilayka.*

Aku hadapkan wajahku kepada yang Maha Pencipta langit dan bumi sebagai Muslim yang ikhlas dan aku bukan termasuk dalam kalangan orang yang mensyirikkan Allah. Sesungguhnya solatku, sembelihanku, hidupku dan matiku, hanya semata-mata untuk Allah tuhan semesta alam. Tidak ada sekutu bagiNya. Oleh kerana itu, aku patuh kepada perintahNya, dan aku termasuk dalam kalangan orang yang aku berserah diri. Ya Allah, Engkaulah Maha Penguasa. tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau. Maha Suci Engkau dan Maha Terpuji. Engkaulah

tuhanku dan aku adalah hambaMu. Aku telah menzalimi diriku sendiri dan akui dosa-dosaku. Maka, ampunilah semua dosa-dosaku. Sesungguhnya, tidak ada yang boleh mengampuni segala dosa melainkan Engkau. Tunjukilah aku akhlak yang paling terbaik. Tidak ada yang dapat menunjukkannya melainkan hanya Engkau. Jauhkanlah dariku akhlak yang buruk. Kerana sesungguhnya tidak ada yang sanggup menjauhkannya melainkan hanya Engkau. Aku patuhi segala perintahMu, dan aku tolong agamaMu. Segala kebaikan berada di tanganMu. Sedangkan

kejahatan tidak datang daripadaMu. Aku berpegang teguh denganMu dan kepadaMu. Maha Suci Engkau dan Maha Tinggi. Kumohon ampun dariMu dan aku bertaubat kepadaMu.

Ia merupakan salah satu doa iftitah [yang dibaca dalam] solat terutama ketika solat malam.



«سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ
اغْفِرْ لِي»

*Subhanakallahumma rabbana wa
bihamdikallahummaghfir li.*

Maha Suci Engkau ya Allah, tuhan kami dan dengan pujian terhadapMu ya Allah, ampunkanlah aku.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya ketika ruku' dan sujud.

5

«اللَّهُمَّ أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ
مِنْ عُقُوبَتِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِي
ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَيَّ نَفْسِكَ»

*Allahumma a'uzu bi ridhaka min
sakhatika wa bi mu'afatika min
'uqubatika wa a'uzu bika minka
la uhsi thanaan 'alayka anta kama
athnayta 'ala nafsika.*

Ya Allah, aku berlindung
dengan keredaanMu daripada
kemurkaanMu, dengan
kemaafanMu daripada
hukumanMu, dan aku berlindung
denganMu daripada tidak mampu

untuk memujiMu sebagaimana
Engkau memuji diriMu.

Ia merupakan doa yang digalakkan
untuk membacanya pada waktu
sujud.

6

«اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ دِقَّةً، وَجِلَّةً،
وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ وَعَلَانِيَتَهُ وَسِرَّهُ»

*Allahummaghfir li zanbi kullahu,
diqqahu wa jillahu, wa awwalahu
wa akhirahu wa 'alaniyatahu wa
sirrahu.*

Ya Allah ampunkanlah bagiku dosaku kesemuanya, yang kecil mahupun yang besar, yang awal maupun yang akhir dan yang terlihat mahupun yang tersembunyi.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya pada waktu sujud.

7

«اللَّهُمَّ اجْعَلْ لِي فِي قَلْبِي نُورًا، وَفِي لِسَانِي
 نُورًا، وَفِي سَمْعِي نُورًا، وَفِي بَصَرِي نُورًا،
 وَمِنْ فَوْقِي نُورًا، وَمِنْ تَحْتِي نُورًا، وَعَنْ
 يَمِينِي نُورًا، وَعَنْ شِمَالِي نُورًا، وَمِنْ بَيْنِ
 يَدَيَّ نُورًا، وَمِنْ خَلْفِي نُورًا، وَاجْعَلْ فِي
 نَفْسِي نُورًا، وَأَعْظِمْ لِي نُورًا»

*Allahummaj'al li fi qalbi nura wa fi
 lisani nura wa fi sam'ie nura wa fi
 basari nura wa min fauqi nura wa
 min tahti nura wa 'an yamini nura
 wa 'an syimali nura wa min bayna
 yadayya nura wa min khalif nura
 waj'al fi nafsi nura wa 'dzim li nura.*

Ya Allah, jadikanlah cahaya dalam hatiku, cahaya pada lidahku, cahaya pada pendengaranku, cahaya pada penglihatanku, cahaya dari atasku, cahaya dari bawahku, cahaya dari sebelah kananku, cahaya dari sebelah kiriku, cahaya di hadapanku, cahaya dari belakangku, jadikanlah dalam diriku cahaya dan besarkanlah cahayaku.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya pada waktu sujud terutama ketika solat malam.

8

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ»

Allahumma inni a'uzu bika min 'azabi Jahannam wa min 'azabil qabri wa min fitnatil mahya wal mamati wa min syarri fitnatil masih al-dajjal.

Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada azab jahannam, azab kubur, fitnah kehidupan dan kematian dan daripada fitnah al-Masih al-Dajjal.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya pada tasyahud akhir sebelum salam.



«اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ،
وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ»

*Allahumma a'inni 'ala zikrika wa
syukrika wa husni 'ibadatika.*

Ya Allah bantulah aku untuk
mengingatiMu, mensyukuriMu dan
beribadah dengan baik kepadaMu.

Ia merupakan doa yang digalakkan
untuk membacanya pada
tasyahud akhir sebelum salam.

10

«اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ،
 وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَسْرَفْتُ،
 وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ
 وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ»

*Allahummaghfir li ma qaddamtu
 wa ma akhkhartu wa ma asrartu
 wa ma a'lantu, wa ma asraftu wa
 ma anta a'lamu bihi minni, antal
 muqaddimu wa antal muakhkhiru
 la ilaha illa anta.*

Ya Allah berilah keampunan kepadaku baik terhadap apa yang telah aku lakukan maupun yang

belum aku lakukan, baik apa yang aku sembunyikan maupun yang aku nyatakan, apa yang telah aku berlebih-lebihan padanya dan apa yang Engkau lebih mengetahuinya daripadaku. Engkaulah Pemula dan Pengakhir. Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya pada tasyahud akhir sebelum salam.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْثِمِ،
وَالْمَغْرَمِ»

*Allahumma inni a'uzu bika minal
maatham wal maghram.*

Ya Allah sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada perbuatan dosa dan kesusahan hutang.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya pada tasyahud akhir sebelum salam.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ، وَأَعُوذُ بِكَ
مِنَ النَّارِ»

*Allahumma inni as alukal jannata
wa a'uzu bika minannar.*

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu syurga dan aku berlindung denganMu daripada neraka.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya pada tasyahud akhir sebelum salam.

13

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ وَأَعُوذُ
بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْدَلِ
الْعُمْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا وَأَعُوذُ
بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ»

*Allahumma inni a'uzu bika minal
bukhli wa a'uzu bika minal jubni
wa a'uzu bika an aradda ila arzalil
'umuri wa a'uzu bika min fitnatid
dunya wa a'uzu bika min 'azabil qabri.*

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada bakhil, aku berlindung denganMu daripada [sifat] pengecut, aku

berlindung denganMu daripada penyakit tua, aku berlindung denganMu daripada fitnah dunia dan aku berlindung denganMu daripada azab kubur.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya pada tasyahud akhir sebelum salam.

«اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا
وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَاعْفِرْ لِي
مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ»

*Allahumma inni dzolamtu
nafsi dzulman kathiran wa la
yaghfiruzzunuba illa anta faghfir li
maghfiratan min 'indika war hamni
innaka antal ghafurur rahim.*

Ya Allah, sesungguhnya aku telah menzalimi diriku dengan kezaliman yang banyak dan tiadalah yang mengampunkan dosa-dosa kecuali

Engkau, maka ampunkanlah aku dengan pengampunan daripadaMu dan rahmatilah aku, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan Maha Penyayang.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya ketika solat, pada waktu sujud atau selepas tasyahud akhir sebelum salam.



«اللَّهُمَّ حَاسِبِي حِسَابًا يَسِيرًا»

Allahumma hasibni hisaban yasira

Ya Allah, hisablah aku dengan pernghisaban yang mudah.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya ketika solat, pada waktu sujud atau selepas tasyahud akhir sebelum salam.

16

«رَبِّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبَعْتُ عِبَادَكَ»

*Rabbi qini 'azabaka yauma
tab'athu 'ibadaka*

Tuhanku, bebaskan aku daripada azabMu pada hari kebangkitan hamba-hambaMu.

Ia merupakan doa yang digalakkan untuk membacanya ketika solat, pada waktu sujud atau selepas tasyahhud akhir sebelum salam.

صَاحِبِ الدُّعَاءِ وَالشَّعَائِرِ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى

Doa-Doa Nabi



«اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي
الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ»

*Allahumma rabbana aatina fid
dunya hasanah wa fil akhirati
hasanah wa qina 'azabannar.*

Ya Allah, berikanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan bebaskanlah kami dari azab api neraka.

Ia merupakan doa yang paling banyak dibaca oleh nabi s.a.w.



«اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي،
وَعَافِنِي، وَارْزُقْنِي»

*Allahummagh fir li warhamni,
wahdini, wa 'afini warzuqni.*

Ya Allah, ampunkanlah aku,
rahmatilah aku, berilah aku
petunjuk, berikanlah aku
kesejahteraan [tubuh badan] dan
berikanlah aku rezeki.

Ia merupakan doa yang
mengumpulkan kebaikan dunia
dan akhirat.



«اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ
وَاعْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ»

*Allahummakfini bi halalika ‘an
haramika wa aghnini bi fadhlika
‘amman siwaka.*

Ya Allah, cukupkanlah aku dengan kehalalanMu daripada pengharamanMu dan jadikanlah aku tidak bergantung kepada yang lain, dengan kelebihanMu, selain daripadaMu.

Ia adalah doa untuk melangsaikan hutang.

«اللَّهُمَّ مُصَرِّفَ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا
عَلَى طَاعَتِكَ» «يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ
قَلْبِي عَلَى دِينِكَ»

*Allahumma ya musarrifal qulub,
sarrif qulubana 'ala to'atika.*

*Ya muqallibal qulub thabbit qalbi
'ala dinika.*

Ya Allah, yang membolak-balikkan
hati, palingkanlah hati kami kepada
ketaatan kepadaMu.

Ya Allah yang membolak-
balikkan hati, tetapkan hatiku di
atas agamaMu.

Doa-Doa Nabi

Ia merupakan doa bagi [meminta]
ketetapan di atas kebenaran dan
juga antara doa yang sering dibaca
nabi s.a.w.

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ
 وَآجِلِهِ، مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ، وَأَعُوذُ
 بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ، عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ
 مِنْهُ، وَمَا لَمْ أَعْلَمْ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ
 خَيْرِ مَا سَأَلَكَ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَاذَ مِنْهُ عَبْدُكَ
 وَنَبِيُّكَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا قَرَّبَ
 إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ
 وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَسْأَلُكَ
 أَنْ تَجْعَلَ كُلَّ قَضَاءٍ تَقْضِيهِ لِي خَيْرًا»

Doa-Doa Nabi

Allahumma inni as aluka minal khayri kullihi 'ajilihi wa aajilihi ma 'alimtu minhu wa ma lam a'lam wa a'uzu bika minasy syarri kullihi 'ajilihi wa aajilihi ma 'alimtu minhu wa ma lam a'lam, allahumma inni as aluka min khayri ma saalaka 'abduka wa nabiyyuka muhammadun sallallahu 'alayhi wa sallam wa a'uzu bika min syarri ma 'aza minhu 'abduka wa nabiyyuka, allahumma inni as alukal jannata wa ma qarraba ilayha min qaulin au 'amalin wa a'uzu bika minannari wa ma qarraba ilayha min qaulin au 'amalin wa as aluka an taj'ala kulla qadhaain qadhaitahu li khayran.

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu kebaikan kesemuanya sama ada cepat atau lambat, yang aku tahu dan tidak tahu, dan aku berlindung denganMu daripada kejahatan kesemuanya sama ada yang cepat atau lambat, yang aku tahu dan tidak tahu, ya Allah, aku memohon kepadaMu kebaikan yang dipinta oleh hamba dan nabiMu Muhammad s.a.w. dan aku berlindung denganMu daripada kejahatan yang dipinta agar dilindungi oleh hamba dan nabiMu, ya Allah, aku memohon kepadaMu syurga dan segala yang mendekatkan kepadanya daripada

perkataan dan perbuatan dan aku berlindung denganMu daripada neraka dan apa yang mendekatkanku kepadanya daripada perkataan dan perbuatan, dan aku memohon kepadaMu agar Engkau jadikan semua qada dang Engkau tentukan bagiku adalah baik.

Ia merupakan antara doa yang [bersifat] menyeluruh dan lengkap.

«يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ، أَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ كُلَّهُ، وَلَا تَكِلْنِيْ إِلَى نَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ»

Ya hayyu ya qayyum birahmatika astagith aslih li shaa ni kulluhu wa la takkilni ila nafsi torfata 'ain.

Wahai [tuhan] yang Maha Hidup, yang Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmatMu aku memohon pertolongan, perbaikilah untukku urusanku semuanya dan janganlah Engkau serahkanku pada diriku walau sekelip mata.

Ia merupakan salah satu doa yang dibaca semasa dalam kesulitan dan kesedihan.

«اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ابْنُ ابْنِ أُمَّتِكَ
 نَاصِيَتِي بِيَدِكَ مَاضٍ فِي حُكْمِكَ عَدْلٌ
 فِي قَضَاؤِكَ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ
 سَمِيَتْ بِهِ نَفْسُكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ
 عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ
 فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ
 رَيْعَ قَلْبِي وَنُورَ بَصَرِي وَجِلَاءَ حُزْنِي
 وَذَهَابَ هَمِّي»

*Allahumma inni 'abduka, ibnu
 'abdika, ibnu amatika, nasiyati
 biyadika, madhin fiyya hukmuka,*

Doa-Doa Nabi

*'adlun fiyya qadhauka, as aluka
bikulli ismin huwa laka, sammaita
bihi nafsaka, au anzaltahu fi
kitabika au 'allamtahu ahadan
min khalqika, au istaatharta bihi
fi 'ilmil ghaib 'indaka, an taj'alal
quraan rabi'a qalbi wa nura sodri
wa jalaa huzni wa zahaba hammi.*

Ya Allah, sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak hambaMu, anak hamba perempuanMu, ubun-ubunku ditanganMu, keputusanMu berlaku padaku, qadhaMu kepadaku adalah adil, aku memohon dengan setiap nama baik yang Engkau miliki, yang Engkau nama diriMu dengannya, atau yang Engkau

turunkan dalam kitabMu atau yang Engkau ajarkan kepada seseorang daripada hambaMu, atau Engkau sembunyikan di dalam ilmu ghaib disisiMu, jadikanlah Al-Quran sebagai penenang diriku, cahaya bagi dadaku, pelenyap duka dan kesedihanku.

Ia merupakan salah satu doa yang dibaca semasa dalam kesulitan dan kesedihan.



«اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا،
وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ سَهْلًا إِذَا شِئْتَ»

*Allahumma la sahla illa ma
ja'altahu sahla wa anta taj'alul
hazna sahla iza shiita.*

Ya Allah, tiada kemudahan kecuali apa yang Engkau mudahkan dan Engkau [berupaya] menjadikan yang sukar itu senang jika Engkau kehendaki.

Doa agar dipermudahkan urusan
yang susah.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالتَّقَى،
وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى»

*Allahumma inni as alukal huda wat
tuqa wal 'afafa wal ghina.*

Ya Allah, aku memohon kepadaMu
hidayah, ketaqwaan, kehormatan
dan kekayaan.



«اللَّهُمَّ اهْدِنِي، وَسَدِّدْنِي»

Allahummahdini wa saddidni.

Ya Allah, berilah hidayah dan keteguhan kepada diriku.



«اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةٌ
أَمْرِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي،
وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي،
وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ،
وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ»

*Allahumma aslih li dinil lazi huwa
'ismatu amri wa aslih li dunyayal
lati fiha ma'asyi wa aslih li
akhiratil lati fiha ma'adi waj'alil
hayata ziyadatan li fi kulli khayr
waj'alil mauta rahatan li min kulli
syarr.*

Doa-Doa Nabi

Ya Allah, perbaikilah bagiku agamaku yang merupakan benteng pelindung dalam setiap urusanku, perbaikilah bagi duniaku yang merupakan tempat tinggalku, perbaikilah akhiratku yang merupakan tempat kembaliku dan jadikanlah kehidupan ini [tempat] aku menambahkan segala kebaikan dan jadikanlah kematian sebagai suatu kerehatan untukku daripada setiap kejahatan.



«اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ
فَاعْفُ عَنِّي»

*Allahumma inna 'afuwwun
tuhibbul 'afwa fa'fu 'anni.*

Ya Allah, sesungguhnya Engkau
Maha Pengampun, Engkau suka
mengampunkan maka ampunilah
aku.

«اللَّهُمَّ اقْسِمْ لَنَا مِنْ خَشِيَّتِكَ مَا يَحُولُ
 بَيْنَنَا وَبَيْنَ مَعَاصِيكَ، وَمِنْ طَاعَتِكَ
 مَا تُبَلِّغُنَا بِهِ جَنَّتِكَ، وَمِنَ الْيَقِينِ مَا
 تُهَوِّنُ بِهِ عَلَيْنَا مُصِيبَاتِ الدُّنْيَا، وَمَتَّعْنَا
 بِأَسْمَاعِنَا وَأَبْصَارِنَا وَقُوَّتِنَا مَا أَحْيَيْتَنَا،
 وَاجْعَلْهُ الْوَارِثَ مِنَّا، وَاجْعَلْ ثَأْرَنَا عَلَى
 مَنْ ظَلَمَنَا، وَانصُرْنَا عَلَى مَنْ عَادَانَا، وَلَا
 تَجْعَلْ مُصِيبَتَنَا فِي دِينِنَا، وَلَا تَجْعَلِ الدُّنْيَا
 أَكْبَرَ هَمِّنَا وَلَا مَبْلَغَ عِلْمِنَا، وَلَا تُسَلِّطْ
 عَلَيْنَا مَنْ لَا يَرْحَمُنَا»

Doa-Doa Nabi

Allahumma qsim lana min khashyatika ma tahulu bainana wa baina ma'asika wa min to'atika ma tuballighuna bihi jannatak, wa minal yaqini ma tuhawwinu 'alaina masaibad dunya, allahumma amti'na bi asma'ina wa absorina wa quwwatina ma ahyaytana, waj'alhul waritha minna waj'althaarana 'ala man dzalamana wan surna 'ala man 'adana wa la taj'al musibatana fi dinina wa la taj'alid dunya akthara hammina wa la mablagha 'ilmina wa la tusallit 'alayna man la yarhamuna.

Ya Allah, jadikanlah untuk kami bagian dari rasa takut kepadaMu

yang dapat menghalangi kami dari perbuatan maksiat [kepadaMu]. Jadikanlah untuk kami bagian dari ketaatan kepadaMu yang dapat menyampaikan kami kepada surgaMu. Jadikanlah untuk kami bagian dari rasa keyakinan yang dengannya Engkau meringankan kami dalam menghadapi musibah dunia. Ya Allah, berilah kenikmatan kepada kami dengan pendengaran, penglihatan, dan kekuatan kami selama Engkau menghidupkan kami, jadikanlah ia tetap ada pada kami, jadikanlah pembalasan kami kepada orang yang menzhalimi kami, berilah

kami kemenangan atas orang yang memusuhi kami, janganlah Engkau jadikan musibah [yang menimpa] kami mempengaruhi agama kami, janganlah Engkau jadikan dunia sebagai tujuan terbesar dan puncak ilmu kami, dan janganlah Engkau jadikan orang yang tidak menyayangi kami [orang kafir dan orang zhalim] sebagai orang yang menguasai kami'.

«رَبِّ أَعِنِّي وَلَا تُعِنِّ عَلَيَّ، وَأَنْصُرْنِي وَلَا تَنْصُرْ عَلَيَّ، وَامْكُرْ لِي وَلَا تَمْكُرْ عَلَيَّ، وَاهْدِنِي وَيَسِّرِ الْهُدَى لِي، وَأَنْصُرْنِي عَلَى مَنْ بَغَى عَلَيَّ، رَبِّ اجْعَلْنِي لَكَ شَكَارًا، لَكَ ذَكَارًا، لَكَ رَهَابًا، لَكَ مَطْوَاعًا، لَكَ مُحِبًّا، إِلَيْكَ أَوَّاهًا مُنِيبًا، رَبِّ تَقَبَّلْ تَوْبَتِي، وَاغْسِلْ حَوْبَتِي، وَأَجِبْ دَعْوَتِي، وَثَبِّتْ حُجَّتِي، وَسَدِّدْ لِسَانِي، وَاهْدِ قَلْبِي، وَاسْأَلْ سَخِيمَةَ صَدْرِي».

*Rabbi a'inni wa la tu'in 'alayya,
wansurni wa la tansur 'alayya,
wamkurli wa la tamkur 'alayya,
wahdini wa yassirl huda li,*

*wansurni 'ala man bagha 'alayya,
rabbij'alni laka syakkaran, laka
zakkaran, laka rahhaban, laka
mitwa'an, laka mukhbitan, ilayka
awwahan muniban, rabbi taqabbal
taubati, waghsil haubati, wa ajib
da'wati, wa thabbit hujjati, wa
saddid lisani, wahdi qalbi, waslul
sakhimata sadri.*

Tuhanku, bantulah aku dan janganlah Engkau bantu yang lain ke atasku, menangkanlah aku dan janganlah Engkau menangkan yang lain ke atasku, tumpaskanlah musuhku dan janganlah Engkau berikan musuhku menumpaskanku, timpakanlah balaMu untukku dan janganlah Engkau timpakan bala

ke atasku, berilah hidayahMu kepadaku dan mudahkanlah hidayah itu untukku, bantulah aku terhadap orang yang membuat penganiayaan ke atas diriku, tuhanku, jadikanlah aku sentiasa bersyukur kepadaMu, sentiasa mengingatiMu, sentiasa takut kepadaMu, sentiasa taat kepadaMu, sentiasa khusyuk dan tawadhuk, kepadaMu merendah diri dalam bertaubat, tuhanku, terimalah taubatku, bersihkan kesalahanku, kabulkanlah permintaanku, teguhkanlah hujahku, luruskanlah lidahku, berilah hidayah kepada hatiku dan lucutkanlah dendam [dari] dadaku.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ، وَتَرْكَ
الْمُنْكَرَاتِ، وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ، وَأَنْ تَغْفِرَ
لِي وَتَرْحَمَنِي، وَإِذَا أَرَدْتَ فِتْنَةً فِي قَوْمٍ
فَتَوَفَّيْنِي غَيْرَ مَفْتُونٍ، وَأَسْأَلُكَ حُبَّكَ وَحُبَّ
مَنْ يُحِبُّكَ، وَحُبَّ عَمَلٍ يُقَرِّبُ إِلَى حُبِّكَ»

*Allahumma inni as aluka fi'lal
khairat, wa tarkal munkarat, wa
hubbal masakin, wa an taghfirli wa
tarhamni, wa iza aradta fitnatan
fi qaumin fatawaffani ghaira
maftunin wa as aluka hubbaka wa
hubba man yuhibbuka, wa hubba
'amalin yuqarribuni ila hubbika.*

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu perbuatan baik, meninggalkan kemungkaran, mencintai orang-orang miskin, Engkau mengampunkan dan merahmatiku, dan jika Engkau mendatangkan fitnah terhadap sesuatu kaum, maka matikanlah aku tanpa [ditimpa] fitnah, dan aku memohon cintaMu, cinta orang yang mencintaimu dan cinta pada amalan yang mendekatkanku kepada cintaMu.

Nabi s.a.w bersabda tentang doa ini: ianya adalah haq maka pelajarilah ia dan ajarkanlah ia.

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الثَّبَاتَ فِي الْأَمْرِ، وَالْعَزِيمَةَ
عَلَى الرَّشْدِ، وَأَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ،
وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ شُكْرَ نِعْمَتِكَ،
وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ قَلْبًا سَلِيمًا،
وَلِسَانًا صَادِقًا، وَأَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَعْلَمُ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ
لِمَا تَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ»

*Allahumma inni as alukath thabat fil
amr wal 'azimah 'alar rusyd wa as
aluka mujibati rahmatik wa 'azaima
maghfiratik, wa as aluka syukra
ni'matik, wa husna 'ibadatik, wa as*

*aluka qalban saliman, wa lisanan
sadiqan wa as aluka min khayri ma
ta'lam wa a'uzu bika min syarri ma
ta'lam, wa astaghfiruka lima ta'lam
innaka anta 'allamul ghuyub.*

Ya Allah, aku memohon kepadaMu ketetapan di dalam setiap urusan, keazaman melakukan sebaik-baik perkara, aku juga memohon kepadaMu apa-apa yang dapat mendatangkan rahmatMu, keazaman dengan sesuatu yang mendatangkan keampunanMu, aku memohon kepadaMu agar dapat bersyukur kepadaMu di atas nikmat-nikmat pemberianMu, dan dikurniakan keelokan beribadah

kepadaMu, aku memohon kepadaMu dikurniakan hati yang sejahtera dan lidah yang benar, aku memohon kepadaMu setiap kebaikan yang Dikau ketahui, daku juga berlindung kepadaMu dari setiap keburukan yang Dikau ketahui, aku memohon ampun kepadaMu dari setiap dosaku yang berada dalam pengetahuanMu, sesungguhnya Dikaulah Tuhan yang Maha Mengetahui segala yang tersembunyi.

Dinyatakan dalam satu hadis bahawa doa ini lebih baik daripada harta emas dan perak.

«اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيمَنْ
عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي
فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ، إِنَّكَ
تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، إِنَّهُ لَا يَدُلُّ مَنْ
وَالَيْتَ، وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ
رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ»

*Allahumma dini fiman hadayta, wa
'afini fi man 'afayta, wa tawallani
fi man tawallayta, wa barik li fima
a'toita, wa qini syarra ma qadhayta
innaka taqdhhi wa la yuqdhha 'alayka
innahu la yazillu man walayta wa*

*la ya'izzu man 'adayta tabarakta
rabbana wa ta'aalayta.*

Ya Allah berikanlah petunjuk kepadaku bersama orang yg Engkau berikan mereka petunjuk, sihatkan aku bersama mereka yang Engkau berikan kesihatan yg baik kepada mereka, pimpinlah aku bersama mereka yang Engkau pimpin, berkatilah apa yang telah Engkau berikan padaku, peliharalah aku daripada keburukan yang telah Engkau tetapkan, Engkau yang menentukan sesuatu dan tiada tandingan lain ke atas Engkau, tidak menjadi hina mereka yang Engkau pimpin, dan tidak menjadi

Doa-Doa Nabi

mulia orang yang Engkau musuhi,
Engkaulah yang Maha Berkuasa
wahai tuhan kami dan Engkaulah
yang Maha tinggi.

«اللَّهُمَّ بِعِلْمِكَ الْغَيْبِ، وَقُدْرَتِكَ عَلَى الْخَلْقِ،
 أَحْيَيْتَنِي مَا عَلِمْتَ الْحَيَاةَ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّيْتَنِي إِذَا
 عَلِمْتَ الْوَفَاةَ خَيْرًا لِي، وَأَسْأَلُكَ خَشْيَتِكَ فِي
 الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، وَكَلِمَةَ الْإِخْلَاصِ فِي الرِّضَا
 وَالْغَضَبِ، وَأَسْأَلُكَ نَعِيمًا لَا يَنْفَدُ، وَقُرَّةَ
 عَيْنٍ لَا تَنْقَطِعُ، وَأَسْأَلُكَ الرِّضَاءَ بِالْقَضَاءِ،
 وَبَرْدَ الْعَيْشِ بَعْدَ الْمَوْتِ، وَلَذَّةَ النَّظَرِ إِلَى
 وَجْهِكَ، وَالشَّوْقَ إِلَى لِقَائِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ
 مِنْ ضَرَاءٍ مُضِرَّةٍ، وَفِتْنَةٍ مُضِلَّةٍ، اللَّهُمَّ زِينًا
 بِزِينَةِ الْإِيمَانِ، وَاجْعَلْنَا هُدَاةً مُهْتَدِينَ»

Doa-Doa Nabi

*Allahumma bi 'ilmikal ghaiba
wa qudratika 'alal khalqi ahyini
ma 'alimtal hayata khayran li
wa tawaffani iza 'alimtal wafata
khairan li wa as aluka khshyataka fil
ghaibi wash syahadati wa kalimatal
ikhlas fi ridha wal ghadhabi wa
as aluka na'iman la yanfadu wa
qurrata 'aini la tanqati' wa as
alukar ridha bil qadhaa wa bardal
'aisyi ba'dal mauti wa lazzatan
nadzari ila wajhika wasy syauqa ila
liqaika wa a'uzu bika min dharraa
mudhirratin wa fitnatin mudhillatin
allahumma zayyinna bizinatil Imani
waj 'alna hudatan muhtadin.*

Ya Allah dengan ilmuMu terhadap perkara ghaib, kekuasaanMu atas

mahluk, hidupakanlah aku bila mana Engkau mengetahui bahawa hidup lebih baik untukku dan matikanku bila mana Engkau mengetahui bahawa mati itu lebih baik bagiku, aku memohon ketakutan terhadapMu dalam keadaan ghaib dan nyata, dan kalimah yang ikhlas dalam redha dan marah, aku memohon kepadaMu nikmat yang tidak berkesudahan, penyejuk mata (kebahagiaan) yang tidak putus, aku memohon kepadaMu keredhaan pada setiap ketetapanMu, kehidupan yang selesa selepas kematian, keseronokan memandang wajahMu, kerinduan untuk bertemu

Doa-Doa Nabi

denganMu dan aku berlindung denganMu daripada kemudaratannya yang memudaratkan serta fitnah yang menyesatkan, ya Allah, hiasilah kami dengan perhiasan iman dan jadikanlah kami orang yang diberi hidayah dikalangan orang-orang yang diberi hidayah.

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ
فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ
عَوْرَاتِي، وَأَمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي
مِنْ بَيْنِ يَدَيْ، وَمِنْ خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي،
وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ
أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي»

*Allahumma inni as alukal 'afiah
fid dunya wal akhirah, allahumma
inni as alukal 'afwa wal 'afiah
fi dini wa dunyaya, wa ahli wa
mali, allahummas tur 'aurati, wa*

*aamin rau'ati, allahummahfadzni
min baini yadayya wa min khalfi
wa 'an yamini wa 'an syimali, wa
min fauqi, wa a'uzu bi 'adzmatika
anightala min tahti.*

Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu keselamatan ('afiah) di dunia dan akhirat.

Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon padaMu keampunan dan keselamatan ('afiah) pada agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku.



Ya Allah! Tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di dalam hatiku.

Ya Allah! Jagalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atasku, serta aku memohon perlindungan

dengan keagunganMu agar tidak disambar (dalam keadaan tidak sadar) dari bawahku.



صِحِّحِ الدُّعَاءَ وَالشُّعَائِرَ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى



**Perkara-Perkara
yang Nabi Minta
Perlindungan
daripadanya**



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَمَلْتُ
وَشَرِّ مَا لَمْ أَعْمَلْ»

*Allahumma inni a'uzu bika min
syarri ma 'amiltu wa syarri ma lam
a'mal.*

Ya Allah, aku berlindung denganMu
daripada kejahatan yang telah aku
lakukan dan kejahatan yang belum
aku perbuat.

Ia merupakan doa yang paling
banyak [dibaca] oleh nabi s.a.w.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أُشْرِكَ بِكَ وَأَنَا
أَعْلَمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا أَعْلَمُ»

*Allahumma inni a'uzu bika an
usyrika bika wa ana a'lamu wa
astaghfiruka li ma la a'lamu.*

Ya Allah aku berlindung denganMu daripada mensyirikkanMu dalam keadaan aku mengetahuinya dan aku memohon keampunanMu [jika aku mensyirikkanMu] tentang apa yang tidak aku ketahui.

Doa agar dijauhkan daripada riya.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ،
وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ، وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ،
وَجَمِيعِ سَخَطِكَ»

*Allahumma inni a'uzu bika min
zawali ni'matika, wa tahawwuli
'afiyatika, wa fujaati niqmatika wa
jami' sakhatika.*

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada kehilangan nikmat, berubah kesihatan, kecelakaan secara tiba-tiba dan kesemua kemurkaanMu.

4

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ،
وَالْأَعْمَالِ، وَالْأَهْوَاءِ، وَالْأَدْوَاءِ»

*Allahumma inni a'uzu bika min
munkaratil akhlaq wal a'mal wal
ahwaa wal adwaa.*

Ya Allah, aku berlindungan
denganMu daripada kemungkaran
akhlak, amalan, kehendak dan
penyakit.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ،
وَدَرَكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ،
وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ»

*Allahumma inni a'uzu bika min
jahdil balaa wa darakisy syaqaa wa
suuil qadhaa wa syamatatil a'daa.*

Ya Allah, aku berlindung denganMu
daripada menanggung bala yang
berat, kesengsaraan, takdir yang
buruk dan merasa selesa [tanpa
celaan] terhadap musuh.

6

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ، وَالْكَسَلِ،
وَالْجُبْنِ، وَالْبُخْلِ، وَالْهَرَمِ، وَعَذَابِ الْقَبْرِ اللَّهُمَّ
آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَزَكَّاهَا، أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا،
أَنْتَ وَلِيِّهَا وَمَوْلَاهَا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ
عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ
لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا»

*Allahumma inni a'uzu bika minal
'ajzi wal kasal wal jubni wal bukhli
wal harami wa 'azabil qabri,
allahumma aati nafsi taqwaha
wa zakkiha wa anta khayru man
zakkaha, anta waliyyuha wa
mawlaha, allahumma inni a'uzu bika*

*min 'ilmin la yangfa' wa min qalbin
la yakhsya' wa min nafsini la tasyba'
wa min da'watin la yustajabu laha.*

Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada rasa lemah, malas, pengecut, bakhil, penyakit tua dan azab kubur, ya Allah, kurniakanlah ketaqwaan buat jiwaku dan sucikanlah ia sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik yang menyucikannya, Engkaulah pemilik dan tuan kepadanya, ya Allah, aku berlindung denganMu daripada ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak khusyuk, nafsu yang tidak pernah puas dan doa yang tidak dimakbulkan.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الهمِّ وَالْحَزَنِ،
وَالعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْبُخْلِ وَالْجُبْنِ،
وَضَلَعِ الدَّيْنِ، وَغَلْبَةِ الرِّجَالِ»

*Allahumma inni a'uzu bika minal
hammi wal hazan, wal 'ajzi wal
kasal, wal bukhli wal jubni, wa
dhala'id dain wa ghalabatir rijal.*

Ya Allah, aku berlindung denganMu
daripada rasa sedih dan gelisah,
rasa lemah dan malas, bakhil dan
sifat pengecut, belenggu hutang
dan penindasan orang.

8

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ سَمْعِي، وَمِنْ
شَرِّ بَصَرِي، وَمِنْ شَرِّ لِسَانِي، وَمِنْ شَرِّ
قَلْبِي، وَمِنْ شَرِّ مَنِّي»

*Allahumma inni a'uzu bika min
syarri sam'ie wa min syarri basari,
wa min syarri lisani wa min syarri
qalbi wa min syarri maniyyi.*

Ya Allah, aku berlindung denganMu
daripada kejahatan pendengaranku,
daripada kejahatan penglihatanku,
daripada kejahatan lidahku,
daripada kejahatan hatiku dan
daripada kejahatan kemaluanku.

9

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ النَّارِ وَمِنْ
عَذَابِ النَّارِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ
مِنْ فِتْنَةِ الْغِنَى، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْفَقْرِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ»

*Allahumma inni a'uzu bika min
fitnatinnar wa min 'azabinnar
wa a'uzu bika min fitnatil qabr
wa a'uzu bika min 'azabil qabri
wa a'uzu bika min fitnatil ghina
wa a'uzu bika min fitnatil faqri
wa a'uzu bika min fitnatil masih
al-dajjal.*

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada fitnah neraka dan azab neraka, aku berlindung denganMu daripada fitnah kubur dan aku berlindung denganMu daripada azab kubur dan aku berlindung denganMu daripada fitnah kekayaan dan aku berlindung denganMu daripada fitnah kefakiran dan aku berlindung denganMu daripada fitnah al-Masih al-Dajjal.

10

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِعِزَّتِكَ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ،
أَنْ تُضِلَّنِي، أَنْتَ الْحَيُّ الَّذِي لَا يَمُوتُ،
وَالجِنُّ وَالْإِنْسُ يَمُوتُونَ»

*Allahumma inni a'uzu bi 'izzatika,
la ilaha illa anta, an tudhillani,
antal hayyul lazi la yamut wal jinnu
wal insu yamutun*

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan kemuliaanMu, tiada tuhan selain Engkau, dari segala hal yang bisa menyesatkanku, Engkau Maha Hidup yang tidak akan mati sedangkan jin dan manusia pasti mati.



«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ،
وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ»

*Allahumma inni a'uzu bika minal
baras wal junun wal juzam wa min
sayyi il asqam.*

Ya Allah, aku berlindung denganMu
daripada penyakit sopak, gila, kusta
dan penyakit yang keji.

12

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ يَوْمِ السَّوِّءِ، وَمِنْ
لَيْلَةِ السَّوِّءِ، وَمِنْ سَاعَةِ السَّوِّءِ، وَمِنْ صَاحِبِ
السَّوِّءِ، وَمِنْ جَارِ السَّوِّءِ فِي دَارِ الْمُقَامَةِ»

*Allahumma inni a'uzu bika min
yaumis suu wa min laylatis suu wa
min sa'atis suu wa min sohibis suu
wa min jaris suu fi daril muqamah.*

Ya Allah, aku berlindung denganMu
daripada hari yang buruk, malam
yang buruk, masa yang buruk,
sahabat yang buruk dan jiran yang
buruk pada rumah yang didirikan.



«أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْفِتَنِ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ»

*A'uzu billahi minal fitan, ma
dzahara minha wa ma batan.*

Aku berlindungan dengan Allah
daripada segala fitnah yang terzahir
mahupun yang batin.



صحيح الدعاء والثناء على الله تعالى



Doa-Doa Ruqyah



1

Membaca Surah Al-Fatihah sebanyak 7 kali.

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، بِسْمِ
 اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
 الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ
 الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾
 أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ
 أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
 وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾﴾ [الفاتحة: ١-٧]

Aku berlindung dengan Allah
daripada Syaitan yang direjam.

Dengan nama Allah yang Maha

Pengasih, Maha Penyayang.

(Segala puji bagi Allah Tuhan seluruh alam. Yang Maha Pengasih Maha Penyayang. Pemilik hari pembalasan. Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. (yaitu) Jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.)

Membaca ayat kursi sekali.

﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ
 سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي
 الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ
 يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ
 بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ
 الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ﴾ [البقرة: ٥٥٢]

(Allah, tidak ada Tuhan selain
 Dia. Yang Maha Hidup, Yang terus
 menerus mengurus (makhlukNya),

tidak mengantuk dan tidak tidur. MilikNya adalah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Tidak ada yang dapat memberi syafaat di sisiNya tanpa izinNya. Dia mengetahui apa yang di hadapan mereka dan apa yang di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui sesuatu apa pun tentang ilmuNya melainkan apa yang Dia kehendaki. KursiNya meliputi langit dan bumi. Dan Dia tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Dia Maha Tinggi, Maha Besar.)
[Surah Al-Baqarah: 255].

3

Membaca Surah Al-Ikhlâs, Surah Al-Falaq dan Surah Al-Nas kemudian meniupkannya kedua tapak tangan lalu menyapunya di tempat sakit. Ulangi sebanyak 3 kali.

﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝۱ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝۲
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝۳﴾
﴿أَحَدٌ ۝۴﴾ [سورة الإخلاص]

(Katakanlah, Dialah Allah yang Maha Esa. Allah tempat meminta segala sesuatu. Tidak beranak dan tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesuatu yang setara denganNya).

﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا
 خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِنْ
 شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ
 إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾﴾ [سورة الفلق]

(Katakanlah, aku berlindung kepada tuhan yang menguasai subuh. Dari kejahatan (makhluk yang) diciptakan. Dan dari kejahatan (perempuan-perempuan) penyihir yang meniup pada buhul-buhul (talinya). Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki).

﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾
 إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾
 الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنْ
 الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾﴾ [سورة الناس]

(Katakanlah, aku berlindung kepada tuhan manusia. Raja manusia. Sembahan manusia. Dari kejahatan (bisikan) setan yang bersembunyi. Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia. Dari (golongan) jin dan manusia).

«اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبِ الْبَاسَ، اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي،
لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا»

*Allumma rabban nas, azhibil
baksa, isyfi anta al-syafi, la syifaa illa
syifauka, syifaan la yughadiru saqama.*

Ya Allah, tuhan sekalian manusia, hilangkanlah kesakitan ini, sembuhkanlah sesungguhnya Engkau Maha Penyembuh, tiada kesembuhan kecuali kesembuhan [dari]Mu, kesembuhan yang tidak menyisakan sakit.

Sapukan tangan kanan pada tempat sakit atau pada pesakit kemudian bacalah doa.



«بِسْمِ اللَّهِ، تُرْبَةُ أَرْضِنَا، بِرِيقَةِ بَعْضِنَا،
يُشْفَى سَقِيمُنَا، بِإِذْنِ رَبَّنَا»

*Bismillahi, turbatu ardhina, biriqati
ba'dhina, yusyfa saqimuna, biizni
rabbina.*

Dengan nama Allah, tanah bumi kami dengan air ludah Sebagian kami, semoga disembuhkan orang sakit kami, dengan izin tuhan kami.

Palitkan air liur pada jari, letakkan di atas tanah kemudian sapu pada tempat sakit atau luka sambil membaca doa tersebut.

6

«بِسْمِ اللَّهِ» «أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ
شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَازِرُ»

*Bismillah, a'uzu billahi wa qudratihi
min sharri ma ajidu wa uhaziru*

(Dengan nama Allah) (Aku berlindung kepada Allah dan kudratNya dari kejahatan (sakit) yang aku dapati dan khawatirkan.)

Letakkan tangan di tempat sakit kemudian baca “*bismillah*” tiga kali dan “*a'uzu billahi wa qudratihi min sharri ma ajidu wa uhaziru*” sebanyak 7 kali.



«أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ، مِنْ كُلِّ
شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ»

*A'uzu bi kalimatillahit tammah, wa
min kulli syaitonin wa hammah, wa
min kulli 'ainin lammah.*

Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna, daripada syaitan dan binatang berbisa dan dari ain yang menimpa.



«أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ
مَا خَلَقَ»

*A'uzu bi kalimatillahit tammati
min sharri ma khalaq.*

Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna, dari kejahatan apa-apa yang diciptakan.

«بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ،
فِي الْأَرْضِ، وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ»

*Bismillahi allazi la yadhurru ma'as
mihi syaiun, fil ardhi, wa la fis
samai, wa huwas sami'ul 'alim.*

Dengan nama Allah yang dengan namaNya akan terhindarlah segala sesuatu di bumi dan di langit untuk menimpakan bencana, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Sebutkan 3 kali



«بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ، مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مِنْ شَرِّ كُلِّ
نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ، اللَّهُ يَشْفِيكَ بِاسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ»

*Bismillahi arqika, min kulli syai
in yukzika, min kulli sharri nafs
au 'ainin hasidin, Allah yasyfika.*

Bismillah arqika.

Dengan nama Allah aku meruqyahmu, dari segala sesuatu yang menyakitimu, dari kejahatan setiap jiwa atau penyakit 'ain yang timbul dari pandangan mata orang yang dengki, semoga Allah menyembuhkanmu. Dengan nama Allah aku meruqyahmu.



«أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ
الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ»

*As alullahal ‘azim rabbal ‘arsyil
‘azim an yasyfiaka.*

Aku memohon kepada Allah yang
Maha Agung, tuhan arasy yang
agung agar menyembuhkanmu.

Ulang sebanyak 7 kali. Jika
membaca untuk diri sendiri maka
sebut “*As alullahal ‘azim rabbal
‘arsyil ‘azim an yasyfiani*” 7 kali.

Syarat-syarat serta peringatan semasa melakukan ruqyah



Amalan ruqyah tersebut mestilah berdasarkan Al-Quran dan sunnah, jauh daripada perkara syirik, bid'ah dan haram samada pada cara atau lafaz yang digunakan.



Seorang muslim itu hendaklah bergantung dan bertawakkal kepada tuhannya. Dia juga hendaklah yakin bahawa ruqyah hanyalah sebagai

suatu asbab yang tidak dapat memberi apa-apa kesan tanpa izin Allah Taala.



Tidak melakukan ruqyah dengan niat mencuba-cuba. Pengamal ruqyah serta pesakit hendaklah meyakini kesan ruqyah serta kemujarabannya.



Ayat-ayat Al-Quran kesemuanya adalah penawar. Allah berfirman:

﴿وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ

لِّلْمُؤْمِنِينَ﴾ [الإسراء: ٢٨]

“dan kami turunkan dari Al-Quran

(sesuatu) yang menjadi penawar serta rahmat bagi orang-orang yang beriman”. Adapun ruqyah sepertimana yang telah disebutkan adalah ruqyah yang utama.



Yang terbaik adalah pesakit sendiri melakukan ruqyah ke atas dirinya. Ini adalah lebih bermanfaat bagi dirinya dan lebih menzahirkan rasa fakir serta kebergantungannya terhadap tuhan. Hati yang hadir dan niat yang ikhlas pasti akan lebih memberi kesan kepada ruqyah tersebut.

صَحِيحُ الدَّعَاوِ الشَّاعِلِ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى

Zikir Pagi dan Petang



«لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ»

La ilaha illa Allahu wahdahu la syarika lahu, lahul mulku wa lahul hamdu, wa huwa 'ala kulli syai in qadir.

Tiada tuhan selain Allah satu-satuNya tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan dan bagiNya pujian dan Dia Maha Upaya atas setiap sesuatu.

10 kali

«أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ،
 لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، اللَّهُمَّ
 إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِي هَذَا الْيَوْمِ، وَخَيْرَ
 مَا بَعْدَهُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِي هَذَا
 الْيَوْمِ، وَشَرِّ مَا بَعْدَهُ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ
 مِنَ الْكَسَلِ، وَالْهَرَمِ، وَسُوءِ الْكِبَرِ، وَفِتْنَةِ
 الدُّنْيَا، وَعَذَابِ الْقَبْرِ»

*Asbahna wa asbahal mulku lillahi
 wal hamdu lillahi la ilaha illa
 Allahu wahdahu la syarika lahu,
 allahumma inni as aluka khayri ma
 fi hazal yaum, wa khayrma ba'dihi,*

wa a'uzu bika min sharri ma fi hazal yaum wa sharri ma ba'dihi, allahumma inni a'uzu bika minal kasal, wal haram, wa suui kibar wa fitnatiddunia wa 'azabi qabri.

Sesungguhnya kami terjaga di pagi hari dengan (kesedaran bahawa) kerajaan ini adalah milik Allah, segala puji bagi Allah, tiada tuhan selain Allah satu-satuNya tiada sekutu bagiNya, ya Allah, aku memohon kebaikan apa yang terdapat pada hari ini, dan kebaikan [yang terdapat pada hari] selepasnya, dan aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan yang terdapat pada hari ini dan kejahatan [yang

terdapat pada hari] seterusnya, ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada kemalasan, nyanyuk, keburukan [sifat] takabbur, ujian dunia dan azab kubur.

Baca ketika pagi

«أَمْسَيْنَا وَأَمْسَى الْمُلْكُ لِلَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ،
 لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، اللَّهُمَّ
 إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِي هَذِهِ اللَّيْلَةِ، وَخَيْرِ
 مَا بَعْدَهَا، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِي هَذِهِ
 اللَّيْلَةِ، وَشَرِّ مَا بَعْدَهَا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ
 بِكَ مِنَ الْكَسَلِ، وَالْهَرَمِ، وَسُوءِ الْكِبَرِ،
 وَفِتْنَةِ الدُّنْيَا، وَعَذَابِ الْقَبْرِ»

*Amsaina wa amsal mulku lillahi
 wal hamdu lillahi la ilaha illa
 Allahu wahdahu la syarika lahu,
 allahumma inni as aluka khayri
 ma fi hazihil laylah, wa khayrma
 ba'diha, wa a'uzu bika min sharri
 ma fi hazihil laylah wa sharri ma*

ba'diha, allahumma inni a'uzu bika minal kasal, wal haram, wa suui kibar wa fitnatiddunia wa 'azabi qabri.

Sesungguhnya kami terjaga di petang hari dengan (kesedaran bahawa) kerajaan ini adalah milik Allah, segala puji bagi Allah, tiada tuhan selain Allah satu-satunya tiada sekutu baginya, ya Allah, aku memohon kebaikan apa yang terdapat pada malam ini, dan kebaikan [yang terdapat pada malam] selepasnya, dan aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan yang terdapat pada malam ini dan kejahatan [yang terdapat pada malam] seterusnya, ya Allah,

aku berlindung kepadaMu daripada kemalasan, nyanyuk, keburukan [sifat] takabbur, ujian dunia dan azab kubur.

Baca ketika petang

«اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي،
وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا
اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ،
أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ»

*Allahumma anta rabbi la ilaha illa
anta khalaqtani wa ana 'abduka
wa ana 'ala 'ahdika wa wa'dika
ma stato'tu, a'uzubika min sharri
ma sona'tu, abu u laka bini'matika
'alayya wa abu u bizanbi faghfirli fa
innahu la yaghfiruzzunuba illa anta.*

Ya Allah, Engkau tuhanku, tiada tuhan selain Engkau, Engkau menciptakanku dan aku adalah hambaMu, aku di atas perjanjianMu dan janjiMu sesuai dengan kemampuanku, aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan yang telah aku lakukan, aku mengakui nikmatMu kepadaku dan aku mengakui dosaku terhadapmu maka ampunilah aku. Sungguh tiada yang mengampunkan dosa melainkan Engkau.

«اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ
نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ»
«اللَّهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا وَبِكَ أَصْبَحْنَا وَبِكَ
نَحْيَا وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ النُّشُورُ»

*Allumma bika asbahna wa bika
amsaina wa bika nahya wa bika
namutu, wa ilaykal masir.*

*Allumma bika amsaina a wa bika
asbahna wa bika nahya wa bika
namutu, wa ilaykan nusyur.*

Ya Allah, denganMu kami terjaga
di pagi hari dan denganMu kami

terjaga pada petang hari, denganMu kami hidup dan denganMu kami mati dan kepada Engkaulah tempat Kembali.

Baca ketika pagi

Ya Allah, denganMu kami terjaga di petang hari dan denganMu kami terjaga di pagi hari, denganMu kami hidup dan denganMu kami mati dan kepada Engkaulah tempat Kembali.

Baca ketika petang

«اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ رَبَّ كُلِّ
شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي
وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشَرِّكَهِ، وَأَنْ أَقْتَرِفَ
عَلَى نَفْسِي سُوءًا، أَوْ أُجْرَهُ إِلَى مُسْلِمٍ»

*Allahumma fatiras samawati wal
ardhi, 'alimal ghaibi was syahadati,
la ilaha illa anta rabba kulli syai in
wa maliikahu, a'uzu bika min sharri
nafsi wa min sharrisy syaitani wa
syirkihi, wa an aqtarifa 'ala nafsi
suuan au ajurrahu ila muslimin.*

Ya Allah, pencipta langit dan bumi, yang mengetahui apa yang tersembunyi dan apa yang terzahir, tiada tuhan selain Engkau, tuhan setiap sesuatu serta pemiliknya, aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan [yang ada] pada diriku dan kejahatan syaitan dan sekutunya, dan [aku berlindung kepadaMu] daripada tertimpanya kejahatan ke atas diriku atau aku menganiayai muslim yang lain.

6

«بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ
شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ»

*Bismillahil lazi la yadhurru
ma'asmihisyai un fil ardhi wa la fis
samaai wa huwas sami'ul 'alim.*

Dengan nama Allah yang tidak ada kemudaratan di bumi dan di langit dengan namaNya dan Dia Maha Mendengar Maha Mengetahui.

3 kali



«رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا،
وَبِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَبِيًّا»

*Radhitu billahi rabba wa bil islami
dina wa bimuhammadin nabiyya.*

Aku telah redha Allah sebagai
tuhanku, Islam sebagai agamaku
dan Muhammad s.a.w. sebagai
nabiku.

«اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي
وَدُنْيَايَ، وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي،
وَأَمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْ
وَمِنْ خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ
فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي»

*Allahumma inni as alukal 'afiah
fid dunya wal akhirah, allahumma
inni as alukal 'afwa wal 'afiah
fi dini wa dunyaya, wa ahli wa
mali, allahummas tur 'aurati, wa
aamin rau'ati, allahumma hfadzni
min baini yadayya wa min khalfi*

*wa 'an yamini wa 'an syimali, wa
min fauqi, wa a'uzu bi 'adzmatika
anightala min tahti.*

Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu keselamatan ('afiah) di dunia dan akhirat. Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon padaMu keampunan dan keselamatan ('afiah) pada agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku. Ya Allah! Tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di dalam hatiku. Ya Allah! Jagalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atasku, serta aku memohon perlindungan dengan keagunganMu agar tidak disambar (dalam keadaan tidak sedar) dari bawahku.



«أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ
مَا خَلَقَ»

*A'uzu bi kalimatillahit tammati
min sharri ma khalaq.*

Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna daripada kejahatan apa-apa yang diciptakan.

10

«أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ، وَكَلِمَةِ
الْإِخْلَاصِ، وَدِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ - صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَمِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا،
وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ»

*Asbahna 'ala fitratil islam wa
kalimatil ikhlas wa dini nabiyyina
muhammadin sallallahu 'alayhi wa
sallam wa millati abina ibrahima
hanifa wa ma kana minl musyrikin.*

Kami terjaga di pagi hari dalam
fitrah Islam, dan kalimat yang
ikhlas dan dalam agama nabi kami
Muhammad s.a.w. dan dalam ajaran

bapa kami Ibrahim yang lurus,
dan bukanlah dia dari golongan
musyrikin.

Baca ketika pagi

«أَمْسَيْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ، وَكَلِمَةِ
الْإِخْلَاصِ، وَدِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ - صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَمِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا،
وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ»

*Amsaina 'ala fitratil islam wa
kalimatil ikhlasi wa dini nabiyyina
muhammadin sallallahu 'alayhi wa
sallam wa millati abina ibrahima
hanifa wa ma kana minl musyrikin.*

Kami terjaga di petang hari dalam

fitriah Islam, dan kalimat yang ikhlas dan dalam agama nabi kami Muhammad s.a.w. dan dalam ajaran bapa kami Ibrahim yang lurus, dan bukanlah dia dari golongan musyrikin.

Baca ketika petang

«يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ أَصْلِحْ
لِي شَأْنِي كُلَّهُ، وَلَا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي
ظُرْفَةَ عَيْنٍ»

*Ya hayyu ya qayyum birahmatika
astaghith, aslih li shaa ni kulluhu
wa la takkilni ila nafsi torfata 'ain.*

Wahai [tuhan] yang Maha Hidup,
yang Maha Berdiri Sendiri,
dengan rahmatMu aku memohon
pertolongan, perbaikilah untukku
urusanku semuanya dan janganlah
Engkau serahkanku pada diriku
walau sekelip mata.




«حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ»

*Hasbiyallahu la ilaha illa huwa
'alayhi tawakkaltu wa huwa rabbul
'arsyil 'adzim.*

Cukuplah Allah bagiku, tiada
tuhan selain Dia, kepadaNya aku
bertawakkal, Dialahlah tuhan 'arasy
yang agung.

7 kali



Sebelumnya 


Kembali ke Halaman Utama

Sumber dan Status Hadis

Pertama: sumber dan status hadis-hadis pujian

- 1 Riwayat Muslim (600).
- 2 Riwayat Muslim (477).
- 3 Riwayat al-Baihaqi dalam kitab Sya'b al-Iman (4087). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam kitab Sahih al-Targhib (1576).
- 4 Riwayat al-Bukhari (1120), (7442) dan Muslim (769).
- 5 Riwayat Muslim (2713).
- 6 Riwayat al-Hakim dalam kitabnya Mustadrak (1920). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam kitab al-Silsilah (267).

- 7 Riwayat Abu Daud (1493) dan al-Tarmizi (3475), beliau menilai sebagai hasan. Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam kitab Misykat al-Masabih (2/708).
- 8 Riwayat al-Bukhari (6345) dan Muslim (2730).
- 9 Riwayat Abu Daud (1525) dan Ibnu Majah (3382). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Targhib wa al-Tarhib.
- 10 Riwayat Muslim (2696).
- 11 Riwayat Ibnu Majah (3878). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam kitab Takhrij Ibn Majah.
- 12 Riwayat Muslim (1218).
- 13 Riwayat al-Bukhari (6306).
- 14 Riwayat Abu Daud (1495) dan al-Tarmizi (3544). Al-Albani menilainya

sebagai sahih dalam Misykat al-Masabih (2/708).

- 15 Riwayat al-Tabrani di dalam al-Awsat (7324). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam al-Targhib (1839).
- 16 Riwayat Ahmad (6/24) dan Abu Daud (873). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Misykat al-Masabih (1/192)
- 17 Riwayat Abu Daud (874) dan al-Nasaie (1069). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih Sunan Al-Nasaie (3/289).
- 18 Riwayat Muslim (601).

Kedua: sumber dan status hadis-hadis berkaitan doa dalam solat

- 1 Riwayat al-Bukhari (744) dan Muslim (598).
- 2 Riwayat Muslim (770).
- 3 Riwayat Muslim (771).

- 4 Riwayat al-Bukhari (794) dan Muslim (484).
- 5 Riwayat Muslim (486).
- 6 Riwayat Muslim (483).
- 7 Riwayat al-Bukhari (6316) dan Muslim (763).
- 8 Riwayat al-bukhari (1377) dan Muslim (588).
- 9 Riwayat Abu Daud (1522) dan al-Nasaie (1303). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Misykat al-Masabih (1/299).
- 10 Riwayat Muslim (771).
- 11 Riwayat al-Bukhari (798) dan Muslim (589).
- 12 Riwayat Abu Daud (792) dan Ibnu Majah (910). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Jami' al-Saghir (1/604).

- 13 Riwayat al-Bukhari (2822), (6390).
- 14 Riwayat al-Bukhari (834) dan Muslim (2705).
- 15 Riwayat al-Hakim dalam Mustadrak (190), beliau menilainya sebagai sahih.
- 16 Riwayat Muslim (709).

Ketiga: sumber dan status hadis-hadis berkaitan doa-doa nabi

- 1 Riwayat al-Bukhari (6389) dan Muslim (2690).
- 2 Riwayat Muslim (2697).
- 3 Riwayat al-Tarmizi (3563), beliau menilainya sebagai hasan. Al-Albani memberi status hasan pada periwayatannya dalam al-Sahihah (1/532).
- 4 Riwayat Muslim (2654). Adapun lafaz (يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ)

(*ya muqallibal qulub thabbit qalbi 'ala dinika*) adalah riwayat al-Tarmizi (3522). Beliau mengatakan bahawa “hadis ini hasan”.

- 5 Riwayat Ahmad (6/134) dan Ibnu Majah (2/1264). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Jami' al-Saghir (1/274).
- 6 Riwayat al-Tarmizi (3524) dan al-Nasaie dalam al-Sunan al-Kubra (9/212). Al-Albani menilainya sebagai hasan dalam Sahih al-Jami' (5820-1913).
- 7 Riwayat Ahmad (4318). Shaikhul Islam Ibnu Taimiyyah dan muridnya Ibnu al-Qayyim menilainya sebagai sahih. Lihat: Syifaa al-'Alil m/s (274).
- 8 Riwayat Ibnu Hibban (974) dalam bab (Zikir yang Harus Dibaca oleh Seseorang yang Meminta agar al-Bari

Jalla wa ‘Ala Memudahkan Urusan yang Sukar). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam al-Sahihah (2886).

- 9 Riwayat Muslim (2721). Sheikh al-Sa’di rahimahullah berkata tentang doa ini: “doa ini merupakan antara doa yang paling menyeluruh dan bermanfaat. Ia mengandungi doa meminta kebaikan agama dan kebaikan dunia.” Bahjat Qulub al-Abrar wa Qurratu ‘Uyun al-Akhyar, m/s (205).
- 10 Riwayat Muslim (2725).
- 11 Riwayat Muslim (2720).
- 12 Riwayat al-Tarmizi (3513). Beliau mengatakan bahawa hadis ini berstatus hasan sahih.
- 13 Riwayat al-Tarmizi (3502) dan al-Nasaie dalam al-Sunan al-Kubra (10161). Al-Albani menilainya sebagai hasan dalam Sahih al-Jami’ (1268).

- 14 Riwayat al-Tarmizi. Beliau mengatakan bahawa hadis ini hasan sahih.
- 15 Riwayat Ahmad (22109) dan al-Tarmizi (3235), beliau mengatakan hadis ini ialah hasan sahih.
- 16 Riwayat al-Tabrani dalam al-Kabir (7135). Al-Albani mengatakan dalam al-Sahihah: “periwayatan [hadis] ini ialah baik.”
- 17 Riwayat Ahmad (1718) dan Abu Daud (1425). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Misykat al-Masabih (1273).
- 18 Riwayat Ahmad (18325) dan al-Nasaie (1305). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Jami’ (1301).
- 19 Riwayat Abu Daud (5074) dan al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (1200). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Adab al-Mufrad (912).

Keempat: sumber dan status hadis-hadis berkaitan perkara-perkara yang nabi minta dilindungi daripadanya

- ❶ Riwayat Muslim (2716) dan dalam Sunan al-Nasaie (5524).
- ❷ Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-mufrad (716). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Jami' al-Saghir (1/694).
- ❸ Riwayat Muslim (2739).
- ❹ Riwayat al-Tarmizi (3591) dan al-Tabrani dalam al-Kabir (36). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Jami' (1/278).
- ❺ Riwayat al-Bukhari (6616) dan Muslim (2707).
- ❻ Riwayat Muslim (2722).
- ❼ Riwayat al-bukhari (2893) dan Muslim meriwayatkan sebahagian daripadanya (2706).

- 8 Riwayat Abu Daud (1551) dan Al-Tarmizi. Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Jami' (2/811).
- 9 Riwayat al-Bukhari (6376) dan Muslim (589).
- 10 Riwayat Muslim (2717).
- 11 Riwayat Abu Daud (1554) dan al-Nasaie (5493). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Jami' (1/275).
- 12 Riwayat al-Tabrani dalam al-Kabir (810). Al-Albani menilainya sebagai hasan dalam Sahih al-Jami' (1299).
- 13 Riwayat Ahmad (2667) dan Muslim (2867).

Kelima: sumber dan status doa-doa ruqyah

- 1 Riwayat al-Bukhari (5749), Muslim (2201) dan dalam Sunan al-Tarmizi

- (2063), baginda meruqyahnya dengan bacaan al-Fatihah sebanyak 7 kali.
- 2 Riwayat Muslim (810), disebutkan bahawa ia merupakan ayat yang teragung dalam kitab Allah. Di dalam Sahih al-Bukhari (2311) juga ada disebutkan bahawa ia memelihara daripada para syaitan.
 - 3 Riwayat al-Bukhari (5735), (5748) dan Muslim (2192).
 - 4 Riwayat al-Bukhari (5742), (5743).
 - 5 Riwayat al-Bukhari (5745), (5746) dan Muslim (2194). Lihat syarah Nawawi bagi hadis ini dalam syarahnya terhadap [Sahih] Muslim (14/184).
 - 6 Riwayat Muslim (2202).
 - 7 Riwayat al-Bukhari (3371).
 - 8 Riwayat Muslim (2709).

- 9 Riwayat Abu Daud (5088) dan Ibnu Majah (3869). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Misykat al-Masabih (2391).
- 10 Riwayat Muslim (2186).
- 11 Riwayat Abu Daud (3106) dan al-Tarmizi (2083). Al-Albani menilainya sebagai sahih dalam Sahih al-Targhib (3480).

Keenam: sumber dan status zikir pagi dan petang

- 1 Riwayat Ahmad (8719). Ibn Baz mengkategorikan periwayatan hadis ini sebagai hasan dalam risalah beliau (Tuhfat al-Akhyar).
- 2 Riwayat Muslim (2723).
- 3 Riwayat al-Bukhari (3606).
- 4 Riwayat Abu Daud (5068) dan al-Tarmizi (3391). Ibn Baz menilai periwayatannya sebagai sahih.

- 5 Riwayat Ahmad (6597), Abu Daud (5076), al-Tarmizi (3529) dan al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad. Ibn Baz menilainya sebagai hasan.
- 6 Riwayat Imam Ahmad (446) dan al-Tarmizi (10179), beliau berkata: “hasan sahih”.
- 7 Riwayat Imam Ahmad (18967) dan al-Tarmizi (3389). Ibn Baz menilai periwayatannya sebagai hasan.
- 8 Riwayat Ahmad dalam al-Musnad (4785) dan Abu Daud (5074). Al-Hakim menilainya sebagai sahih.
- 9 Riwayat Ahmad (7898) dan al-Tarmizi (3437). Ibn Baz menilai periwayatannya sebagai hasan.
- 10 Riwayat Ahmad (21144) (15367). Ibn Baz menilai periwayatannya sebagai sahih.

- 11 Riwayat al-Nasaie (10405), dan al-Bazzar (2/282). Al-Albani menilainya sebagai hasan dalam al-Silsilat al-Sahihah (1/449).
- 12 Riwayat Abu Daud (5081), [pandangan] yang tepat ialah beliau mengkategorikannya sebagai mauquf. Al-Albani mengatakan bahawa ia membawa hukum marfu' (lihat: al-Silsilat al-Sahihah 11/449).

العلمية
الوقفية

اقتداء

Institusi Keilmuan dan Wakaf Iqtidaa

Kami menitik beratkan penyebaran sunnah-sunnah dan zikir-zikir harian nabi s.a.w.

Kami berbesar hati menerima panggilan anda di talian:

00966503766222

 doa.eqtidaa.com



@eqtidaa1

